

## **BAB II**

# **PERKEMBANGAN ISLAM DI KELANTAN**

## BAB II

### PERKEMBANGAN ISLAM DI KELANTAN

#### 1. PENDAHULUAN

Sejarah perkembangan agama merupakan sejarah manusia itu sendiri. Kelahiran agama serentak dengan kelahiran manusia di muka bumi ini. Oleh itu sejarah agama adalah sejarah yang lama dan ianya berkembang seiring dengan perkembangan manusia, ini kerana sifat beragama merupakan fitrah semulajadi yang terdapat dalam diri setiap manusia. Sepanjang sejarah manusia kita dapati ada di kalangan kelompok manusia hidup tanpa ilmu pengetahuan, teknologi dan tamadun tetapi tidak pernah didapati satu kelompok manusia pun yang hidup tanpa agama.<sup>1</sup>

Jika dilihat kepada perkembangan agama di Nusantara, gugusan pulau-pulau Melayu semenjak ribuan tahun lagi menjadi tempat tumpuan berbagai bangsa untuk berniaga dan bertemu. Maka ia menjadi tempat pertemuan berbagai agama dan kebudayaan yang dibawa oleh bangsa-bangsa yang berhubung dengan masyarakat setempat.<sup>2</sup> Agama-agama ini pernah menjadi agama rasmi negara di seluruh pelusuk bumi Melayu bermula dari agama pemujaan berhala, Hindu-Buddha dan akhirnya

---

<sup>1</sup> Muhammad 'Abdullah al-Darrār (1969), *al-Din : Durūs Mumahhidah li Dirāsati al-Tārikh al-Adyān*, Kaherah : Maṭbāah as-Ṣa'ādah, h. 84-85.

<sup>2</sup> Wan Hussein @ Azmi (1979), *Pendakwahar Islam Dan Perkembangannya di Alam Melayu Dari Abad ke VII M - XVII M*, T.T.P.: Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, h. 2.

Islam telah bertapak dan menjadi sebatian dengan bangsa Melayu sehingga kini ia merupakan agama rasmi yang dianuti oleh majoriti umat Melayu.

Islam telah dibawa ke Tanah Melayu dalam bentuk hubungan perdagangan kemudian menjadi hubungan keagamaan apabila pemerintah dan rakyat telah menerima Islam sepenuhnya.<sup>3</sup> Kedatangan Islam ke alam Melayu melalui jalan damai dengan mengambil tempoh dakwah yang panjang. Para pedagang yang datang berdagang di Tanah Melayu adalah terdiri dari ulama' dan ahli sufi.<sup>4</sup> Disamping menjalankan perniagaan mereka berdakwah kepada masyarakat Melayu dan ada di kalangan mereka yang mengahwini wanita tempatan. Setelah sekian lama berada dalam masyarakat Melayu, orang-orang Melayu mula tertarik dengan ajaran yang dibawa oleh para pendakwah ini sehingga mereka menukar agama lama kepada Islam.<sup>5</sup>

Setelah itu Islam telah menjadi agama yang dianuti oleh majoriti Melayu dan norma-norma ajarannya menjadi sebahagian dari asas organisasi sosial orang Melayu sejak zaman kerajaan Melayu Melaka malah lebih awal lagi. Islam juga menjadi dasar kebesaran kerajaan Melayu bukan sahaja dari segi kuasa politik bahkan dari segi peradaban yang mereka dirikan.<sup>6</sup>

---

<sup>3</sup> Drs. Hasbullah Bakry (1963), "*Tjataan tentang Mula Masuknya Islam ke Indonesia*" Kertas kerja yang dibentangkan dalam seminar "Sejarah Masuknya Islam ke Indonesia", Medan : Panitia Seminar Sejarah Masuknya Islam ke Indonesia, t.t, h. 87.

<sup>4</sup> Wan Ngah bin Wan Dagang (1975), "Islam ke Alam Melayu Dibawa Ahli-ahli Sufi", *Pengasuh*, bil.406, Kota Bharu : Majlis Ugama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, Mei 1975, h. 43.

<sup>5</sup> P.E. De Josselin De Jong (1963), *Agama-agama di Gugusan Pulau-pulau Melayu*, Terj. Abdullah Hussain, Kuala Lumpur : Oxford University Press, h. 42-45.

<sup>6</sup> Mohd. Taib Osman *et al.* (1989), *Masyarakat Melayu. Struktur, Organisasi dan Menifestasi*, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia, h. 165.

Kelantan merupakan salah sebuah negeri Melayu yang terawal menerima Islam. Islam telah membentuk kerajaan dan rakyat negeri ini membangun berdasarkan norma-norma ajarannya. Kehidupan beragama menjadi teras pemerintahan kerajaan Kelantan sejak sekian lama, hasilnya dari bumi inilah lahir ramai tokoh-tokoh agama sehingga Kelantan terkenal dengan gelaran "Serambi Mekah".

## 2. ISLAM DI KELANTAN

Tarikh yang tepat dan jelas mengenai kedatangan Islam di Kelantan sehingga kini belum dapat dipastikan, namun begitu apa yang pastinya Islam telah bertapak di Kelantan lebih awal dari negeri-negeri Melayu di Semenanjung.<sup>7</sup> Kesukaran ini disebabkan oleh kekurangan sumber atau bahan rujukan yang konkrit. Batu nisan atau peninggalan sejarah yang lain juga tidak ditemui di sini untuk dijadikan bukti mengenai sejarah kemasukan Islam. Prof. Khoo Kay Kim menjelaskan mengenai sebab tersebut dengan katanya :

*"... adalah lebih tidak dihiraukan daripada sejarah negeri Kedah oleh kerana negeri Kelantan telah tidak merupakan faktor yang penting dalam sejarah jajahan British di bahagian dunia sebelah sini sehingga akhir kurun yang ke sembilan belas".<sup>8</sup>*

Pendapat Prof. Khoo Kay Kim itu telah disokong oleh W.A.Graham dalam bukunya *Kelantan, A State in The Malay Peninsula*. katanya:

---

<sup>7</sup> Nor Razi (1982), "Kedatangan Agama Islam Ke Alam Melayu", dalam *Utusan Kiblat*, Bil. 146, Kuala Lumpur: Utusan Melayu (M) Berhad, Oktober 1982, h. 48.

<sup>8</sup> Khoo Kay Kim (1972), "Semenanjung Tanah Melayu Pada Kurun Yang ke-19", dalam Zainal 'Abidin bin Abdul Wahid (ed.), *Sejarah Malaysia Sepintas Laju*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1972, h. 82-83.

*"The early history of Kelantan is lost in obscurity, owing to the fact no records have ever been kept. This is possibly due to the fact, that everybody was too busy, engaged in local wars, to have time for any records; on the other hand, if records had been in existence, those have probably been lost or destroyed by the victorious parties for reason obvious".*<sup>9</sup>

Walaupun sukar untuk mendapatkan tarikh yang tepat mengenai kemasukan Islam ke negeri Kelantan, namun dengan berpandukan kepada beberapa catatan dalam buku-buku sejarah yang berkaitan dengannya, sama ada hasil penulisan tokoh-tokoh sejarah tempatan atau asing, maka kita akan memperolehi fakta-fakta yang dapat dijadikan sandaran asas sejarahnya.

Jika dilihat dari sudut tarikh kedatangan Islam di Kelantan, pendapat yang paling awal mengatakan Islam telah bertapak di Kelantan ialah pada sekitar abad ke-10 H. pendapat ini bersandarkan kepada catatan sejarah Dinasti Sung (960-1279 M), yang mengatakan Islam telah lahir di sepanjang pantai Laut China Selatan dalam tahun 977 M.<sup>10</sup>

Terdapat juga ahli sejarah yang merumuskan bahawa sejak pertengahan abad ke-11 lagi kerajaan Kelantan (Islam) telah didirikan dan besar kemungkinan ia adalah kerajaan Islam yang terawal di Semenanjung Tanah Melayu.<sup>11</sup> Seorang

---

<sup>9</sup> Abdullah Alwi Haji Hassan (1981), "Kelantan: Islamic Legal History Before 1909" dalam *Malaysia In History*: Vol. XXIII, T.P., h. 10.

<sup>10</sup> Mohamad Kamil Haji Abdul Majid (1993), *Tokoh-tokoh Pemikir Islam*, Selangor : Budaya Ilmu Sdn. Bhd., Jld. 1, h. 275.

<sup>11</sup> Wan Hussein Azmi (1984), "Islam di Malaysia : Kedatangan dan Perkembangan (Abad ke-20)", dalam Prof. Khoo Kay Kim (ed.), *Tamadun Islam di Malaysia* Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia, c. i. n. 144.

sejarawan tempatan meletakkan tarikh kedatangan Islam ke Kelantan sebelum 1181 M (557 H) lagi. Ini berdasarkan wang dinar (wang emas) perbelanjaan negeri Kelantan telah dijumpai sekitar tahun 1912 M<sup>12</sup> tertanam di kawasan Kota Kubang Labu (bekas ibu kota Kelantan) yang terletak di tebing barat Sungai Kelantan, berhadapan dengan bandar Kota Bharu.<sup>13</sup>

Pada wang dinar tersebut terdapat nama Kelantan dengan sebutan “al-Julus Kelantan” dan di sebelahnya tertulis “al-Mutawakkil ‘ala Allah” yang bererti (berserah kepada Allah) dan di atas tulisan itu terdapat pula tulisan berbentuk “OVV”. Tulisan tersebut adalah angka-angka Arab yang dimaksudkan dengan tahun 577 H bersamaan 1181 M. Wang dinar ini adalah membuktikan dengan jelasnya tentang kedatangan agama Islam yang lebih awal ke sini dan menerangkan betapa lamanya pengaruh agama itu berkembang di sini sehingga ia dapat mempengaruhi suatu kerajaan yang menggunakan wang dinar tersebut sebagai suatu mata wang yang rasmi.<sup>14</sup>

Pendapat di atas diperkuatkan lagi dengan catatan pengembaraan seorang pengembara Arab bernama Ibn Baṭūṭah dalam tahun 1297 M (697 H) yang belayar dari Jawa ke Tiongkok. Dalam perjalanan itu beliau telah singgah di suatu tempat yang bernama “Kailu Kerai” (sekarang Kuala Krai). Menurut Ibnu Baṭūṭah lagi, beliau pernah menemui seorang raja perempuan yang telah memeluk agama Islam

---

<sup>12</sup> Duit emas itu telah dihadihkan oleh Nik Mahmud kepada Tuan T.W. Clifton, Pemangku Pegawai Penasihat Inggeris di Kelantan dalam tahun 1914. Lihat *Kitab Geography Semenanjung Kelantan*, Nik Mahmud bin Ismail, t.t, h. 15.

<sup>13</sup> Nik Mohamed bin Nik Mohd Salleh (1985), “Perkembangan Pendidikan atau Pengajian Islam Di Negeri Kelantan”, dalam *Warisan Kelantan IV*, cet. 1, Kota Bharu: Perbadanan Muzium Negeri Kelantan, Istana Jahar, 1985, h. 96.

<sup>14</sup> Sa'ad Shukri bin Haji Muda (1971), *Detik-detik Sejarah Kelantan*, op.cit. h. 28.

bernama "Urduja".<sup>15</sup> Oleh itu, sekiranya kita mengikuti catatan Ibn Batūtah, maka dapatlah dikatakan Islam telah bertapak di Kelantan sejak abad ke-12 M lagi.

Mengenai teori kedatangan Islam pula, kemasukan Islam ke negeri Kelantan adalah dipercayai secara langsung dari negeri Arab, kerana masyarakat Islam Kelantan dari dahulu lagi bermazhab Shāfi'ie, bacaan al-Qur'an adalah mengikut lafaz Arab dan bunyi sebutannya tidak ada bezanya dengan sebutan lidah Arab.<sup>16</sup>

Mengikut satu sumber tempatan mengatakan bahawa " kira-kira pada tahun 1150 M ada salah seorang dari Pattani yang datang menyebarkan agama Islam di negeri itu.<sup>17</sup> Dengan kenyataan ini adalah kemungkinan Islam datang ke Kelantan melalui Pattani.

Mengikut bukti-bukti sejarah yang lain, boleh dipercayai juga bahawa agama Islam mungkin dibawa ke Kelantan dari negeri Melayu Champa di Indo China (sekarang terkenal dengan nama Vietnam). Walaupun sejarah kedatangan agama Islam di negeri Champa tidak diketahui dengan jelas dan lengkap, namun ada bukti yang menunjukkan bahawa agama Islam telah bertapak di sana pada abad ke-11 M.<sup>18</sup>

---

<sup>15</sup> Muhammad Ibn 'Abdillah, Ibn Batūtah (1992), *Rehlah Ibn Batūtah : Tuḥfatul Naẓẓar Fī Gharāib Al-Amsār*, Lubnan: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, Bairut, h. 626-623.

<sup>16</sup> Ismail bin Awang (1986), "Sejarah Masuknya Al-Quran ke Kelantan", dalam *Warisan Kelantan V*, Kota Bharu : Perbadanan Mesium negeri Kelantan, Istana Jahar, 1986, h. 79.

<sup>17</sup> Haji Dasuki bin Haji Ahmad (1974), *Iktisar Perkembangan Islam*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pelajaran Malaysia, h. 521.

<sup>18</sup> Nik Mohamed bin Nik Mohd Salleh (1985), "Perkembangan Pendidikan atau Pengajian Islam Di Negeri Kelantan". *op. cit.*, h. 97.

Antara buktinya terdapat dua buah batu bersurat telah ditemui di Phan Rang (dahulu bernama Pandurangga). Salah satu daripada batu bersurat itu adalah batu nisan yang tertulis dalam bahasa Arab dalam bentuk tulisan *Khat Kufi* dan bertarikh tahun 1039 M. Batu bersurat yang kedua bertarikh tahun 1025 M atau 1035 M. Phan Rang ialah sebuah kota penting di negara Champa. Bahkan ia pernah menjadi ibu kota Champa di antara tahun 1477 M hingga tahun 1720 M.<sup>19</sup>

Sejarah Melayu telah mencatatkan satu kenyataan mengenai agama Islam di Kelantan. Kelantan telah diserang dan ditakluki oleh kerajaan Melaka pada zaman Sultan Mahmud Syah (1488-1528 M). Catatan itu menyebut:

*" Arakian, maka Sultan Mahmud Syah menitahkan Seri Maharaja menyerang Kelantan. Pada zaman itu Kelantan negeri besar lebih daripada Pattani, Sultan Mansur Syah nama rajanya, anak sepupu kepada Sultan Iskandar Syah, tiada baginda menyembah ke Melaka, anaknya daripada cucu Raja Culan. Maka Seri Maharaja pun pergilah .... Lalu berperang beramuk-amukan ... maka kota Kelantan pun alah "*<sup>20</sup>

Sekiranya kenyataan itu dapat diterima, kita dapat mengambil kesimpulan bahawa agama Islam telah wujud di Kelantan. Nama Sultan Iskandar Syah di awal nama baginda telah membuktikan bahawa Kelantan sudah pun diperintah oleh kerajaan Islam.

Dengan gelaran "Serambi Mekah" yang menjadi jolokan bagi negeri Kelantan membayangkan Islam amat kuat dihayati oleh rakyat dan pemerintah di negeri ini.

---

<sup>19</sup> G. Coedes (1968). *The Indianized States of South East Asia*. Kuala Lumpur: T.P, h. 103-104

<sup>20</sup> W.G. Shallebear (1967), *Sejarah Melayu*. Kuala Lumpur: Oxford Universiti Press. h. 197.

Kelantan telah beberapa kali menjalankan hukuman mengikut al-Qur'an seperti di zaman pemerintahan Sultan Ahmad (1886-1889 M) dan Sultan Mansur (1890-1900 M). Begitu juga Sultan Muhammad II (1837-1886 M) merupakan Sultan Kelantan yang melakukan pemerintahan lebih teratur dan mengikut undang-undang Islam di mana beliau melantik Mufti sebagai ketua hakim.<sup>21</sup>

Sejak dari itulah Kelantan telah menyaksikan kedatangan para santri, mubaligh, pedagang-pedagang dari Arab, Farsi dan Gujerat ada di antara mereka yang menetap di sini, sebagai contoh Tok Khurasan dari Khurasan, Raden Ahmad dari Jawa, Syed Ahmad bin Syed Daud al-Qadri dari Bahrain,<sup>22</sup> begitu juga raja-raja atau pihak istana memainkan peranan yang penting dalam memantapkan keislaman di Tanah Melayu khususnya negeri Kelantan.<sup>23</sup>

Dengan merujuk kepada kenyataan dan beberapa fakta sejarah di atas, penulis berpendapat bahawa sejarah kedatangan Islam ke Kelantan merupakan sesuatu yang benar-benar berlaku dan tidak dapat dinafikan kebenarannya. Kelantan merupakan negeri yang pertama menerima Islam di Malaysia, ini adalah kerana negeri-negeri lain seperti negeri Terengganu menerima Islam pada tahun 1303 M, Melaka tahun 1414 M, Johor pada tahun 1488 M dan negeri Kedah pula ialah pada tahun 1501 M. Kesimpulan yang serupa telah dibuat oleh seorang tokoh sejarah Kelantan, Abdullah

---

<sup>21</sup> Muhammad Hussein Khali'e bin Haji Awang (1970), *Kelantan Dari Zaman ke Zaman*, *op. cit.*, h. 70.

<sup>22</sup> Ismail bin Che Daud (2001), "Ulama' Muhajirin di Kelantan", *Pengasuh*, bil : 571, Kota Bharu : Majlis Ugama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, Sep-Okt 2001, h. 14-39.

<sup>23</sup> S. Q. Fatimi (1965), *Islam Come To Malaysia*, Singapore, Malay Siam Sociological Research Institut LTD., n. 71.

Nakula dengan katanya : “Sungguhpun bahan-bahan yang boleh dipertanggungjawabkan tidak begitu banyak tetapi mengikut cerita lisan bahawa pengislaman Kelantan adalah lebih awal daripada negeri-negeri lain di Tanah Melayu”.<sup>24</sup>

### 3. PERKEMBANGAN ISLAM DI KELANTAN

Dengan bertapaknya Islam di Kelantan, Islam telah menjadi agama yang dianuti oleh semua lapisan masyarakat bermula dari baginda Sultan dan kaum kerabatnya hinggalah rakyat jelata. Islam telah berkembang dengan pesatnya dalam segenap aspek kehidupan masyarakat Kelantan termasuklah pentadbiran, pendidikan, kebudayaan, dan pemikiran sehingga mencorak adat resam masyarakat Kelantan. Kegiatan perkembangan agama Islam di Kelantan telah berlangsung seawal kurun 18 M lagi<sup>25</sup> dan telah diikuti oleh pemerintah selepasnya hinggalah ke hari ini.

#### 3.1 Sultan Sebagai Ketua Agama

Semua urusan pentadbiran agama pada masa pemerintahan raja-raja Melayu adalah tertakluk dibawah kekuasaan mutlak sultan. Hal ini telah pun ditentukan dan dicatat dalam perlembagaan negeri semenjak sekian lama.<sup>26</sup> Pemerintahan

---

<sup>24</sup> Nor Razi (1982), *op.cit.*, h. 48.

<sup>25</sup> Mohamad Sarim Haji Mustajab (1973), *Kedudukan Islam di Kelantan Menjelang Kemasukan British*, *Widya* 9, 51-54 Mei 1973, h. 52.

<sup>26</sup> Haji Dasuki bin Haji Ahmad (1983), *op.cit.*, h. 558-559.

berlandaskan undang-undang Islam telah dilaksanakan di Kelantan sejak dari 1650 M lagi iaitu lebih dari 350 tahun yang lalu.<sup>27</sup>

Mengikut catatan sejarah, Sultan Mansur (1891-1900) adalah seorang sultan yang terkenal dengan kuat beragama dan warak dalam sejarah raja yang memerintah Kelantan. Penguatkuasaan hukum Islam telah berkembang di zaman pemerintahannya. Walaupun pelaksanaan hukum Islam telah berlaku semenjak zaman pemerintahan kekandanya Sultan Muhammad III (1889-1890) dan pemerintah terdahulu, namun kemuncak pelaksanaannya dapat dilihat dengan jelas dalam masa pemerintahan Sultan Mansur. Kelantan mengalami pemerintahan menurut syariat yang dikehendaki oleh Islam.<sup>28</sup>

Setelah kemangkatan sultan Mansur, Tengku Long Senik ditabalkan menjadi sultan dengan gelaran sultan Muhammad IV (1890-1920). Di zaman pemerintahan baginda Syiar Islam telah berkembang dengan baik. Masjid-masjid dan pondok pengajian kian banyak didirikan. Negeri Kelantan pada ketika itu telah menjadi pusat perkembangan ilmu agama yang terulung. Antara peristiwa yang paling bersejarah di zaman pemerintahan baginda ialah penubuhan Majlis Ugama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan.

Ketegasan dan kesungguhan sultan pemerintah Kelantan dalam melaksanakan hukum Islam telah meninggalkan kesan yang mendalam dalam hidup rakyat negeri

---

<sup>27</sup> Haji Daud bin Muhammad (1999), "Sejarah Penubuhan Mahkamah Syariah dan Perkembangan Undang-undangnya di Negeri Kelantan", *Majalah al-Wasilah*, bil. 2, Kota Bharu : Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kelantan, Jun 1999, h. 38-39.

<sup>28</sup> Sa' ad Snukri bin Haji Muda (1971), *Detik-detik Sejarah Kelantan. op.cit.* h. 90-100.

hingga ke hari ini. Pelaksanaan tersebut diteruskan oleh sultan-sultan selepas baginda hinggalah ke hari ini.

Mengenai kuasa sultan sebagai ketua agama, perkara ini telah dijelaskan dalam Perlembagaan Persekutuan dan Undang-Undang Tubuh Negeri. Perlembagaan Persekutuan telah menjelaskan dengan nyata mengenai perkara tersebut :

*" Dalam tiap-tiap negeri melainkan negeri yang tidak mempunyai raja, kedudukan raja sebagai ketua agama Islam dalam negerinya secara dan setakat mana yang diakui dan diistiharkan oleh perlembagaan negeri itu, dan juga tertakluk kepada perlembagaan negeri itu, segala hak, keistimewaan, hak kedaulatan dan kuasa yang dinikmati olehnya sebagai ketua agama tidaklah tersentuh ".<sup>29</sup>*

Bagi negeri Kelantan, Perlembagaan negeri Kelantan ada memperuntukkan dengan jelas bahawa sultan adalah Ketua Agama Islam bagi negeri Kelantan. Pada menjalankan tugasnya ini Baginda dibantu serta dinasihati oleh ulama yang bergelar Mufti. Setelah tertubuhnya Majlis Ugama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan baginda Sultan dinasihati oleh MAIK. Ini sebagaimana termaktub di bawah Perkara 6 (1) Bahagian Pertama Perlembagaan Negeri yang berbunyi:

*" Adapun kepala bagi ugama negeri ini ialah yang Maha Mulia dan Majlis Ugama Islam dan Adat Istiadat Melayu di dalam bahasa Inggerisnya Council of Religion and Malay Custom ditubuhkan di bawah undang-undang negeri yang ada sekarang hendaklah terus membantu dan menasihati Yang Maha Mulia mengikut undang-undang itu ".<sup>30</sup>*

---

<sup>29</sup> Lihat pada bahagian 1, perkara 3, ceraihan 2. *Perlembagaan Malaysia*, Kuala Lumpur : Law Publisher, c. V, 1986, h. 5

<sup>30</sup> Laporan Tahunan MAIK bagi Tahun 1988. (Majlis Ugama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan. Dokumen No. 95/01674 di Perpustakaan Islam MAIK, Kota Bharu, n. 4 .

Oleh yang demikian, bagi maksud memahami kedudukan dan struktur pentadbiran agama Islam di negeri Kelantan yang bertanggungjawab menasihati baginda sultan dalam hal-hal keagamaan, maka adalah perlu diperkatakan mengenai peranan Mufti kerajaan, Majlis Ugama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, Jabatan Hal Ehwal Islam Kelantan, Yayasan Islam Kelantan dalam tugasnya membantu serta menasihati sultan selaku ketua agama negeri ini untuk memperkembangkan agama Islam.

### 3.2 Pentadbiran Agama Islam di Kelantan

Walaupun baginda sultan sebagai ketua agama bagi negeri Kelantan namun untuk melincinkan pentadbiran agama maka baginda sultan telah melantik seorang ulama untuk membantu baginda dalam hal-hal agama . Jawatan tersebut diberi nama Mufti Kerajaan Negeri. Mufti menjadi penasihat kepada sultan dalam perkara-perkara keagamaan.<sup>31</sup> Dipercayai jawatan ini buat pertama kalinya telah diwujudkan di zaman pemerintahan Sultan Muhammad II (1837-1886).<sup>32</sup> Dengan perlantikan tersebut bermulalah era pentadbiran agama Islam yang bercorak rasmi di negeri Kelantan.

---

<sup>31</sup> Temuramah dengan Dato' Haji Hasbullah bin Haji Hassan, Mufti Kerajaan Kelantan pada 5hb. Jun 2002 di pejabat beliau di Kompleks JAHAEIK, Lundang.

<sup>32</sup> Muhammad Husain Khal'ei Hájji Awang (1970), *Kelantan Dari Zaman ke Zaman*, Kota Bharu : Syarikat Dian Sdn. Bhd., h. 70.

### 3.2.1 Pejabat Mufti Kerajaan Negeri

Penubuhan pejabat Mufti adalah selaras dengan jawatan Mufti yang telah diwujudkan. Pejabat ini mempunyai kedudukan yang tertinggi serta berperanan besar dalam menentukan corak dan gaya hidup masyarakat Islam di Kelantan. Pejabat ini termasuk di antara jabatan pentadbiran negeri yang tertua di Kelantan. Sejak dahulu sehingga sekarang, kuasa melantik Mufti adalah terletak di bawah kuasa sultan.

Dalam hal ini Perkara 6 Enakmen No. 3 Tahun 1982 (Enakmen Pentadbiran Mahkamah Syariah 1982) menyebut :

*" Ke bawah Duli Yang Maha Mulia al-Sultan bolehlah dengan surat perlantikan yang ditandatangani olehnya dan dimeteri dengan mohornya melantik sesiapa yang layak menjadi Mufti Kerajaan dan Timbalan Mufti Kerajaan dan perlantikan itu hendaklah disiarkan di dalam Warta ".<sup>33</sup>*

Mufti Kerajaan selain dari tugasnya menasihati sultan dalam soal-soal agama, atas nama jawatannya itu beliau menjadi ahli Majlis Penasihat Raja (M.P.R.), ahli Majlis Pemusyawaratan Negeri (M.P.N.), Anggota Mesyuarat Majlis Ugama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, ahli Dewan Syura MAIK dan Pengerusi Jemaah Ulama Majlis. Melalui tiga posisi ini, Mufti merumuskan fatwa serta menyalurkan fikiran, pandangan dan budi bicaranya dalam perkara-perkara yang menyentuh kehidupan keagamaan di peringkat negeri Kelantan.<sup>34</sup>

---

<sup>33</sup> *Pengenalan Pejabat Mufti*, Kota Bharu : Pejabat Mufti Kerajaan Negeri, 2002, h. 47.

<sup>34</sup> Temuramah dengan Dato' Haji Hasbullah bin Haji Hassan, *op.cit*.

Dalam melaksanakan tugas-tugas yang besar ini, Mufti dibantu oleh jemaah ulama' Majlis Ugama Islam Kelantan yang ahlinya juga dilantik oleh baginda sultan. Pada tahun 1979 satu jawatan baru diperkenalkan bagi membantu tugas-tugas Mufti, jawatan tersebut dinamakan "Timbalan Mufti". Orang yang pertama memegang jawatan itu ialah Dato' Haji Ismail Yusoff.<sup>35</sup>

Sebelum tahun 1966, selain menasihati baginda sultan dalam hal keagamaan, Mufti yang juga merupakan ketua jabatan di Pejabat Mufti yang mengendalikan pentadbiran Mahkamah Qadhi, Penyelia Agama dan guru-guru agama sekolah rendah kebangsaan. Tugas yang terlalu besar ini pastinya tidak dapat dijalankan dengan sempurna dan memerlukan suatu perubahan pentadbiran. Dan akhirnya pada tahun 1966, undang-undang Mahkamah Syariah dan Hal-Ehwal Perkahwinan Islam dikuatkuasakan pada 1hb. Jun 1966 dan beberapa pejabat agama diasingkan dari pejabat Mufti bagi melincinkan urusan pentadbiran. Setelah pengasingan tersebut pejabat Mufti hanya menguruskan hal-hal yang berkaitan dengan fatwa dan urusan keagamaan sahaja.<sup>36</sup>

### 3.2.1.1 Mufti- Mufti Kerajaan Kelantan

Setakat ini belum dapat dipastikan siapakah yang pertama menyandang jawatan Mufti kerajaan semenjak ianya diperkenalkan. Sememangnya para ulama' telah menghampiri baginda sultan dan menjadi penasihat baginda semenjak dari awal

---

<sup>35</sup> Abdul Razak Mahmud (1996), *Pelajaran Tata Rakyat Negeri Kelantan (2)*, Kota Bharu : Pustaka Aman Press Sdn. Bhd., h. 57.

<sup>36</sup> Haji Daud bin Muhammad (1999), *op.cit.*, h. 36.

kedatangan Islam lagi, tetapi perlantikan secara rasmi dengan nama jawatan Mufti kerajaan tidak dapat dipastikan. Mengikut sumber sejarah yang dapat dipastikan, sehingga kini baginda sultan telah melantik 12 orang Mufti yang bermula dari tahun 1893.

Bagaimanapun, setakat yang dapat dikesan, pada tahun 1893, Baginda Sultan Mansur ada menambahkan bidang tugas Haji Nik Wan Daud, selaku Mufti Kerajaan Kelantan pada masa itu, supaya turut menyelia tugas-tugas imam dan pegawai-pegawai masjid surau, sekaligus menyimpan rekod perkhidmatan mereka. Berpandukan kepada perintah baginda Sultan Mansur itu dapatlah disenaraikan nama-nama Mufti Kerajaan Kelantan mulai daripada Haji Nik Wan Daud sehingga sekarang.<sup>37</sup>

1. Haji Nik Wan Daud bin Haji Wan Sulaiman ( ? -1907 )<sup>38</sup>
2. Haji Wan Ishak bin Imam Haji Wan Abdullah ( 1907-1909 )<sup>39</sup>
3. Haji Wan Musa bin Haji Abd. Samad ( 1909 - 1916 )<sup>40</sup>

---

<sup>37</sup> Abdul Razak Mahmud (1996), *Pelajaran Tata Rakyat Negeri Kelantan (2)*, op.cit, h. 57-58.

<sup>38</sup> Tarikh sebenar perlantikan beliau sebagai Mufti belum dapat dipastikan. Beliau menjawat jawatan Mufti sehingga beliau meninggal dunia pada 4hb. November 1907 ketika berusia 54 tahun. *Ibid*, h. 58.

<sup>39</sup> Beliau merupakan seorang Mufti yang paling singkat tempoh perkhidmatannya iaitu selama setahun dua bulan. Beliau mula dilantik pada 11hb. November 1907 dan ditamatkan perkhidmatannya pada Januari 1909. *Ibid*.

<sup>40</sup> Tokoh ini dilahirkan pada 1875 mempunyai sifat yang tegas dan berani dalam mempertahankan pandangannya. Beliau sanggup meninggalkan jawatannya sebagai Mufti kerana berselisih pendapat dengan ulama' yang scangkatan dengannya. Beliau telah dilantik pada 27hb. Julai 1909 dan melepaskan jawatannya pada tahun 1916. Lihat Ismail Awang (2001), " Mufti Haji Wan Musa ( 1875-1939)", dalam: *Tokoh-tokoh Ulama' Semenanjung Melayu (1)*, Kota Bharu : Majlis Ugama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, 2001, h. 385-390.

4. Haji Wan Muhamad bin Haji Abd. Samad ( 1916 - 1920 )<sup>41</sup>
5. Dato Haji Idris Che Hassan ( 1921 - 1927 )<sup>42</sup>
6. Haji Wan Hassan ( Pemangku Mufti )<sup>43</sup>
7. Haji Ibrahim bin Haji Mohd Yusoff ( 1928 - 1941 )<sup>44</sup>
8. Dato Haji Ahmad Maher bin Haji Ismail ( 1945 - 1968 )<sup>45</sup>
9. Dato Haji Mohd. Nor bin Haji Ibrahim ( 1968 - 1987 )<sup>46</sup>
10. Dato' Haji Ismail bin Haji Yusoff ( 1987 - 1988 )<sup>47</sup>
11. Dato' Haii Mohamad bin Che Wook ( 1988 - 1990 )<sup>48</sup>
12. Dato' Haji Hasbullah bin Mohd. Hassan ( 1990 - sekarang )<sup>49</sup>

<sup>41</sup> Beliau merupakan abang kepada Mufti Haji Wan Musa. Sepanjang perawatannya, beliau banyak mencetuskan pemikiran bagi perkembangan Islam, antaranya pembinaan masjid Muhammadiyah, penubuhan Jamaah Ulama' MAIK dan lahirnya nama timangan bagi negeri Kelantan "Darul Naim". Pada 21hb. Ogos 1916 beliau telah dilantik sebagai Mufti menggantikan adiknya Haji Wan Musa. Beliau memegang jawatan tersebut sehingga meninggal dunia pada 7hb. Disember 1920. *Ibid.* h. 205-214.

<sup>42</sup> Beliau dilantik ke jawatan Mufti pada 5hb. Mac 1921 hingga beliau meninggal dunia pada petang hari Rabu 14hb. Disember 1927.

<sup>43</sup> Jawatan Mufti telah dipangku oleh beliau setelah kematian Dato' Haji Idris Che Hassan. Pada ketika itu beliau bertugas sebagai Qadhi Besar Kelantan. Beliau memangku jawatan tersebut selama dua bulan bermula dari 4hb. Januari 1928.

<sup>44</sup> Beliau lebih dikenali dengan panggilan "Haji Ibrahim Tok Raja". Ayah kepada Dato' Haji Mohd. Nor, Mufti Kelantan yang terkenal itu. Beliau dilantik pada awal Mac 1928 dan telah memohon untuk bersara pada Julai 1941.

<sup>45</sup> Beliau adalah putera sulung kepada Tok Kemuning. Sebelum menjawat jawatan Mufti beliau telah memangku jawatan tersebut pada Julai 1941 berikutan persaraan Dato' Haji Ibrahim Yusoff. Pada 1hb. Januari 1945 jawatannya sebagai Mufti disahkan. Beliau telah memegang jawatan tersebut hingga ke akhir hayatnya pada 16hb. Mac 1968.

<sup>46</sup> Salah seorang tokoh ulama' Kelantan yang sangat terkemuka selepas Tok Kenali. Beliau dilantik pada 1hb. Mei 1968 hinggalah beliau meninggal dunia pada 13hb. Febuari 1987.

<sup>47</sup> Hurian sepenuhnya mengenai tokoh ini akan dijelaskan pada bab berikut.

<sup>48</sup> Beliau merupakan tokoh akademik yang pertama menjawat jawatan Mufti Kerajaan Kelantan. Beliau telah dilantik pada 1hb. Disember 1988 menggantikan gurunya Dato' Haji Ismail Yusoff. Jawatan ini tidak lama disandang olehnya kerana memenuhi panggilan Allah pada 17hb. Jun 1990 sewaktu berusia 54 tahun.

<sup>49</sup> Bekas imam besar masjid Muhammadiyah ini telah dilantik pada 1hb. Julai 1990 hingga sekarang.

### 3.2.2 Majlis Ugama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Kelantan

Sungguhpun dasar-dasar mengenai pentadbiran Islam telah dijalankan dalam pemerintahan Kelantan sejak perlantikan jawatan Mufti, namun perlaksanaannya tidaklah begitu memuaskan. Dengan pertambahan penduduk dan peralihan kuasa politik berikutan Perjanjian Anglo-Siam pada 1909, maka difikirkan suatu badan yang lebih tersusun perlu diadakan bagi mentadbir hal-ehwal Islam.<sup>50</sup>

Majlis Agama Islam Kelantan (MAIK) atau nama awal penubuhannya Majlis Ugama Islam dan Istiadat Melayu Kelantan telah ditubuhkan pada penghujung tahun 1915 semasa pemerintahan sultan Muhammad IV. Penubuhan MAIK adalah sangat berkait rapat dengan latar belakang sejarah perkembangan pendidikan Islam dan peralihan kuasa politik yang berlaku pada awal abad ke-20.

Atas rasa keperihatinan terhadap beberapa perkembangan yang berlaku dalam pentadbiran negeri selepas campur tangan British, beberapa orang ulama' terutama Tok Kenali telah mengutarakan cadangan penubuhan MAIK kepada Tengku Paduka

<sup>50</sup> Sa'ad Shukri bin Haji Muda (1971), *Detik-detik Sejarah Kelantan*, *op.cit.* h. 112 dan 135. Pada bulan Mac 1911 bancian penduduk Kelantan pertama telah diadakan. Hasil dari bancian tersebut orang Melayu seramai 268,707 orang dan 18,044 orang bukan Melayu. Pada tahun berikutnya iaitu pada 1hb. April 1912 telah diadakan bancian secara terperinci dan didapati penduduk Melayu telah bertambah seramai 17,656 orang. Secara keseluruhannya adalah seperti berikut :

Melayu	286,363 orang
Cina	12,755 orang
India	3,575 orang
Eropah	127 orang
Serani	35 orang
Bangsa Lain	6,445 orang
Jumlah Penduduk	309,300 orang

Raja Menteri Besar.<sup>51</sup> Hasil dari usaha beberapa orang tokoh tersebut maka baginda Sultan Muhammad IV telah mengampuni perkenan cadangan penubuhan MAIK dan pada 24hb. Disember 1915 bersamaan 17hb. Safar 1334 baginda telah memasyhurkan penubuhan MAIK dalam satu istiadat gilang gemilang di bangunan Pejabat Tanah Kota Bharu.<sup>52</sup> Dalam majlis tersebut, antara lain baginda bertitah :

*" Bahawa kita dalam mesyuarat Council pada hari Selasa 30hb. Muharram 1334 bersamaan dengan 7hb. Disember 1915 ini sesungguhnya telah suka kita mengurniakan kepada anak-anak negeri kita satu majlis yang bernama "Majlis Ugama Dan Istiadat Melayu" kerana menimbangkan bagi kebajikan negeri Kelantan. Maka dengan sebab yang demikian itu, inilah hari yang kita mulai buka majlis ini kepada pengetahuan anak negeri kita supaya mereka itu mengetahui akan maksud kita kurniakan majlis ini..."<sup>53</sup>*

Dengan penubuhan itu, MAIK merupakan institusi agama yang pertama ditubuhkan di Semenanjung Malaysia.<sup>54</sup> Pada hari itu seramai 12 orang telah dilantik oleh baginda sultan sebagai ahli Majlis yang pertama. Dalam perlantikan itu Haji Muhamad bin Khatib Haji Muhamad Said telah dilantik sebagai setiausaha Majlis

---

<sup>51</sup> Menurut kajian, ada tiga orang tokoh utama negeri Kelantan yang diketahui telah memainkan peranan penting ke arah penubuhan Majlis ini. Mereka ialah Haji Nik Mahmud bin Haji Wan Ismail, Haji Muhamad bin Khatib Haji Mohd. Said dan Tok Kenali. Haji Nik Mahmud (kemudiannya bergelar Dato' Bentara Setia) dan Haji Muhamad bin Khatib Haji Mohd. Said (kemudiannya dikenali dengan nama Dato' Laksamana), mengangkat sembah cadangan penubuhan ini kepada Ke bawah Duli Yang Maha Mulia al-Sultan pada tahun 1915. Cadangan ini kemudiannya telah mendapat ampuni perkenan Tuanku, dan pada 24hb. Disember tahun yang sama bersamaan 17hb. Safar 1334,

<sup>52</sup> Bangunan ini telah tiada lagi, ianya terletak di hadapan Istana Balai Besar, Kota Bharu.

<sup>53</sup> Petikan penuh teks tersebut di lampirkan di lampiran B.

<sup>54</sup> Majlis Agama Islam Johor telah ditubuhkan pada 1925 dan Majlis Agama Islam Kedah pada tahun 1948.

yang pertama dan Baginda sultan telah menyerahkan kepada ahli Majlis untuk memilih siapakah yang akan dilantik sebagai Yang Dipertua Majlis yang pertama.<sup>55</sup>

Pada tahun pertama penubuhan, Majlis tidak mempunyai bangunan pejabatnya sendiri. Mesyuarat yang diadakan kadang kala dibuat di rumah Dato' Bentara Setia atau di tingkat atas pejabat tanah Kota Bharu. Keadaan ini berlarutan hinggalah pada 9hb. Ogos 1917, Majlis telah membeli sebuah bangunan berharga \$15,000.00 yang terletak di Jalan Sultan, Kota Bharu dengan hasil wang kutipan zakat fitrah.<sup>56</sup> Bangunan ini kekal sebagai pejabat Majlis bermula tarikh tersebut hingga Majlis berpindah ke pejabat baru di Jalan Sultan Yahya Petra, Lundang pada 1990. Bangunan tersebut telah digunakan selama 73 tahun dan kini ianya dijadikan Perpustakaan Islam MAIK.

Majlis telah diberikan taraf "Quasi Legislative" dan "Judicial Authority" disamping sebagai sebuah badan agama. Dengan kuasa yang terdapat padanya Majlis telah merangka dasar-dasar yang berkaitan dengan hal-ehwal agama Islam. Dalam tempoh setahun sahaja iaitu pada tahun 1916 tidak kurang dari 11 notis undang-undang telah diluluskan oleh Majlis Council Negeri untuk dikuatkuasakan oleh Majlis.<sup>57</sup> Disamping itu suatu undang-undang juga telah diluluskan bagi memandu

---

<sup>55</sup> Mereka yang dilantik itu ialah Haji Awang Muhamad Yusuf bin Ahmad (Tok Kenali), Haji Wan Muhamad bin Haji Wan Abdul Samad, Khatib Haji Muhamad Said Jamaluddin, Haji Wan Abdullah bin Abdul Samad, Muhamad Ghazali Arifin (Dato' Bentara Luar), Muhamad Daud @ Che Woo' bin Salim, Nik Jaafar bin Haji Nik Abdul Kadir (Dato' Bentara Dalam), Nik Wan Mohd. Amin Wan Musa, Tengku Abdul Rahman ibn sultan Muhamad III, Tamby Umar bin Tamby Kecil, Nik Mahmud bin Haji Wan Ismail (Dato' Bentara Setia), dan Haji Muhamad bin Khatib Haji Muhamad Said.

<sup>56</sup> Abdul Razak Mahmud (1990), "75 tahun Majlis Ugama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan" *Pengasuh*. Koat Bharu : Majlis Ugama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, bil. 507, 1990, h. 8.

<sup>57</sup> Lihat Tengku Azmi bin Tengku Jaafar (1984), "Sejarah Penubuhan Majlis Ugama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan Serta Tahap-Tahap Permulaan Perkembangannya", ( Kajian Ilmiah untuk Jabatan Sejarah, Universiti Malaya), sesi 1983-1984, h. 34-37.

perjalanan Majlis dalam mengadakan gerak kerjanya. Undang-undang tersebut dinamakan “Undang-undang Bagi Anggota Majlis Ugama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan”. Undang-undang ini telah diluluskan pada 17hb. Oktober 1916 dan telah digantikan dengan beberapa enakmen pada tahun 1938, 1953 dan yang terakhir sekali pada tahun 1966.<sup>58</sup>

Kuasa tertinggi yang mentadbir perjalanan Majlis terletak pada sebuah badan yang bernama “Anggota Majlis”. Badan ini dibantu oleh sebuah badan yang dikenali sebagai “Jemaah Ulama”. Kedua-dua ahli badan pentadbiran ini dilantik oleh baginda sultan dari masa ke semasa. Maka semua perkara yang melibatkan dasar, tindakan dan pentadbiran Majlis hendaklah terlebih dahulu mendapat persetujuan jawatankuasa ini.<sup>59</sup>

Pada 10hb. November 1987 telah dibentuk suatu jawatankuasa yang diberi nama “Dewan Syura Majlis Agama Islam Kelantan”. Dewan ini berperanan memberi nasihat dan cadangan kepada MAIK dalam menjalankan tanggungjawabnya. Ahli Dewan ini adalah terdiri dari para ulama, cerdik pandai dan cendekiawan Islam dalam berbagai bidang bagi mewujudkan satu iklim pembangunan agama dan dunia yang seimbang, teguh dan mantap dalam menghadapi cabaran masa kini.<sup>60</sup>

---

<sup>58</sup> Abdul Razak Mahmud (1990), *op.cit.*, h. 9.

<sup>59</sup> Lihat Bahagian II, Perkara 4 (3), *Undang-undang Majlis Ugama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan*, 1966, h. 49.

<sup>60</sup> *Pengenalan Majlis Ugama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan*, (t.t.), Dokumen tersimpan di Perpustakaan Islam MAIK, Kota Bharu, No. Rujukan : 93/01670, h. 4.

Setelah dilakukan beberapa rombakan dan susunan semula struktur pentadbiran MAIK, kini Majlis telah mempunyai suatu sistem pentadbiran yang sama dengan badan berkanun yang lain. Pada hari ini Majlis mempunyai 149 orang pegawai dan kakitangan, termasuk kakitangan masjid bandar seramai 74 orang dan masjid mukim seramai 1055 orang.<sup>61</sup> Pentadbiran Majlis dibahagikan kepada 3 bahagian iaitu Pentadbiran, Agama dan Pembangunan.

Jadual 2.1

**BAHAGIAN DALAM PENTADBIRAN MAIK**

<b>Bil</b>	<b>Bahagian</b>	<b>Unit</b>
01	Pentadbiran dan Kewangan	1. Unit Pentadbiran
		2. Unit Kewangan
		3. Unit Kebajikan Am
		4. Unit Perpustakaan Islam
02	Agama	1. Unit Hal Ehwal Agama (Dakwah)
		2. Unit Hal Ehwal Masjid
		3. Unit Penerbitan dan Siaran
03	Pembangunan	1. Unit Zakat
		2. Unit Baitulmal
		3. Unit Pembangunan

Sumber : *Pengenalan Majlis Ugama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan*

<sup>61</sup> *Ibid.*, h. 6.

### 3.2.2.1 Kegiatan Awal MAIK

Setahun selepas penubuhan, Majlis telah mengorak langkah menjalankan kegiatannya seperti termaktub dalam "Tujuan Penubuhan Majlis". Antaranya, pada tahun 1917 M Majlis telah menubuhkan sekolah Melayu Muhammadiyah, mengadakan percetakan sendiri, dan menterjemah kitab-kitab agama. Pada tahun 1918 Majlis telah menerbitkan majalah Pengasuh dan mengadakan kelas bahasa Inggeris. Pada tahun 1921 dengan sumbangan derma dan kerajaan negeri, Majlis telah membangunkan semula masjid Muhammadi, Kota Bharu.

Setelah itu berbagai kegiatan keagamaan telah berkembang pesat di bawah pentadbiran Majlis. Antara sumbangan Majlis yang paling besar ialah mewujudkan sistem persekolahan <sup>62</sup>, menerbitkan majalah Pengasuh yang merupakan majalah paling relatif lamanya di seluruh Tanah Melayu hingga ke hari ini serta pengurusan dan pengagihan wang zakat dan baitulmal. Majlis telah berjaya membawa suatu era baru dalam perkembangan Islam di Kelantan berpandukan kuasa dan tanggungjawab yang telah diberikan.

Di bawah Undang-undang Majlis 1966, Bilangan 2, Majlis adalah diberi kuasa, antara lain menjalankan perkara-perkara berikut:

- a. Fatwa rasmi bagi negeri Kelantan.
- b. Menjadi penguasa wasiat dan pentadbir pesaka orang Islam.
- c. Urusan zakat, baitulmal, khairat dan nazar.

---

<sup>62</sup> Perkembangan sekolah agama akan dibincangkan pada perbincangan seterusnya

- d. Menjadi pemegang amanah bagi semua masjid dan hartanya yang tak alih, juga perlantikan pegawai-pegawai masjid.
- e. Hal-hal yang berkaitan dengan saudara baru.
- f. Tauliah mengajar agama.
- g. Ru'yah anak bulan bagi menentukan puasa dan hari raya.
- h. Kuatkuasa mengenai ajaran salah dan amalan-amalan munkar.
- i. Agihan wang zakat kepada asnaf.
- j. Kuasa mengenai penubuhan badan-badan kebajikan seperti Darul Aitam.
- k. Pendaftaran sekolah-sekolah agama.<sup>63</sup>

MAIK telah memainkan peranan yang cukup besar dan penting dalam sejarah perkembangan agama Islam dan peningkatan ekonomi rakyat Kelantan. Boleh dikatakan MAIK merupakan perintis ke arah proses memajukan masyarakat Melayu dan rakyat negeri kerana hampir semua bidang kehidupan rakyat didapati MAIK telah memberi sumbangannya. Sumbangan MAIK yang amat besar ialah menubuhkan sekolah untuk membangunkan sistem pendidikan masyarakat Islam dan berjaya melahirkan cendekiawan Melayu Kelantan pada dekad-dekad lalu.

### 3.2.3 Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kelantan

Setelah menabur jasa kepada rakyat negeri lebih setengah abad lamanya, MAIK yang merupakan badan agama Islam yang tunggal dan tertinggi di negeri Kelantan terpaksa akur dengan perubahan masa dan keperluan pengurusan yang semakin besar. Kerajaan negeri merasakan bahawa perlu dilakukan suatu perubahan dalam pentadbiran agama negeri bagi menyelaraskan perkara-perkara yang berkaitan

---

<sup>63</sup> Dokumen No. 93/01670, *op.cit.*, h. 3.4

dengan pendidikan Islam, penguatkuasaan undang-undang Islam dan perkara-perkara lain yang bersangkutan.

Oleh kerana tanggungjawab yang sekian lama dipikul oleh MAIK menjadi semakin besar, banyak pihak merasakan perlu ditubuhkan suatu badan khusus yang bertanggungjawab mengambil sebahagian tugas MAIK. Maka pada Mac 1978 kerajaan negeri telah mewujudkan Bahagian Hal Ehwal Agama Islam di Pejabat Setiausaha Kerajaan Kelantan. Pada peringkat awal penubuhan, ianya dikendalikan oleh seorang pegawai yang berjawatan "Penolong Setiausaha Hal Ehwal Agama" dengan dibantu oleh beberapa kakitangan berjawatan kerani.<sup>64</sup>

Setelah diadakan perbincangan dengan Unit Pemodenan Tadbiran Malaysia (MAMPU), Kerajaan Negeri pada 1hb. Januari 1979 telah memperbesarkan struktur pentadbiran JAHEAIK dengan memberi taraf jabatan penuh. Ia menjadi Jabatan Agama Islam yang terakhir ditubuhkan di sebuah negeri dalam Semenanjung Malaysia. JAHEAIK telah diketuai oleh seorang pegawai berpangkat Pengarah, serta dibantu oleh sekumpulan kakitangan sokongan di bawah seorang pegawai tadbir kanan yang berjawatan Setiausaha. Pengarah JAHEAIK yang pertama ialah Dato' Haji Wan Mohamed bin Yusoff manakala Setiausahanya ialah En. Mohd. Nor bin Samat..

Walaupun telah diberi taraf jabatan namun JAHEAIK masih lagi berada di bawah Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri, sehinggalah pada 1980 diwujudkan secara

---

<sup>64</sup> "JAHEAIK Sepintas Lalu" (1999). Majalah *Al-Wasilah*. Kota Bharu : Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kelantan, , bil. 2, Jun 1999, h. 5.

berasingan dari pejabat SUK dengan diberi peruntukan tahunan dan kuasa mengawal kewangan sendiri.

Amatlah jelas bahawa penubuhan JAHEAIK tidaklah bertujuan menyaingi kuasa MAIK yang sedia ada. Tujuannya membantu MAIK dalam menyemarakkan kegiatan dakwah, pembangunan Islam serta penguatkuasaan undang-undang Islam serta pendakwaan selaras dengan hasrat kerajaan negeri pada ketika itu. Jabatan ini lebih berperanan selaku urusetia kepada kerajaan negeri mengenai hal keagamaan dan juga bertanggungjawab melaksanakan apa jua keputusan kerajaan dalam hal-hal agama Islam, pembangunan kerohanian dan kegiatan dakwah.<sup>65</sup>

Sepanjang penubuhannya Jabatan ini telah ditadbir oleh 6 orang pengarah. Pengarah pertama ialah Dato' Haji Wan Muhamed bin Yusoff bermula dari 1hb. Oktober 1979 hingga 15hb. April 1981, Haji Wan Lokman bin Haji Wan Ahmad 16hb. April 1981 hingga 30hb. April 1995, Haji Ayub bin Mahmud 1hb. Mei 1995 hingga 31hb. Mei 1996, Haji Mohd. Ghazali bin Haji Abdul Rahman 1hb. Jun 1996 hingga 31hb. Disember 1996, Haji Hashim Bani bin Haji Abdul Hamid 1hb. Januari 1997 hingga 23hb. April 1998, Haji Che Dir bin Ibrahim bermula 1hb. Mei 1998 hingga 30hb. Jun 2000 dan yang terakhirnya ialah Haji Abdul Rahim bin Haji Hassan bermula 1hb. Julai 2000 hingga sekarang.<sup>66</sup>

Setelah dilakukan beberapa perubahan dalam pentadbiran JAHEAIK bagi memantapkan pengurusan mengikut keperluan semasa, pada Julai 1998 telah

---

<sup>65</sup> *Ibid*

<sup>66</sup> Abdullah @ Rahimi bin Abdul Maitid (ed.) (2001) "Berita: Warga JAHEAIK" *al-Wasilah*. Kota Bharu : Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kelantan, bil. 3, Januari 2001, h. 5.

diadakan rombakan terakhir melibatkan penempatan 18 pegawai baru bagi mengisi beberapa jawatan yang diseragamkan di seluruh negara oleh JAKIM.

Dengan tertubuhnya JAHEAIK menampakkan lagi kesungguhan kerajaan negeri dalam menyemarakkan perkembangan dakwah Islam di Kelantan. Sebagai contoh, pada tahun 1999 JAHEAIK melalui Unit Dakwah Halaqat telah mengimarahkan hampir 2/3 dari keseluruhan masjid yang terdapat di Kelantan dengan melibatkan 227 orang guru takmir, 14 orang Pengelola Dakwah peringkat kawasan, 129 orang Pegawai Dakwah dengan dibantu oleh 258 orang Pembantu Pegawai Dakwah.<sup>67</sup>

Jadual 2.2

**BILANGAN GURU TAKMIR DAN MASJID YANG TERLIBAT**

Bil	Jajahan	Bil. Guru	Bil. Masjid	Masjid Takmir
01	Kota Bharu	58	118	108
02	Pasir Mas	29	81	58
03	Pasir Puteh	26	60	56
04	Bachok	22	54	34
05	Machang	20	39	36
06	Tanah Merah	17	42	22
07	Tumpat	19	38	30
08	Gua Musang	18	26	24
09	Kuala Krai	13	49	22
10	Jeli	5	20	10
		<b>227</b>	<b>527</b>	<b>400</b>

Sumber : *Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kelantan*

<sup>67</sup> "JAHEAIK Sepintas Lalu" (1999), *op.cit.*, h. 10.

### 3.2.3.1 Bidang Tugas JAHEAIK

Tugas utama Jabatan ialah menjadi urusetia kepada kerajaan negeri dalam perkara-perkara yang melibatkan keagamaan serta bertanggungjawab melaksanakan keputusan-keputusan kerajaan dalam perkara-perkara agama. Perlu dinyatakan bahawa "perkara-perkara agama" yang terletak di bawah senarai tugas JAHEAIK adalah berlainan daripada "perkara-perkara agama" yang telah menjadi senarai tugas MAIK.

Di bawah ini disenaraikan bidang tugas Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kelantan.

- a. Menyedia dan melaksanakan keputusan-keputusan Kerajaan mengenai agama.
- b. Menyelaras untuk dilaksanakan keputusan-keputusan Majlis Kebangsaan Hal Ehwal Agama Islam Malaysia setakat yang dipersetujui dipakai dalam negeri ini.
- c. Menyelaras dan jika perlu menolong melaksanakan dasar-dasar dan keputusan-keputusan Majlis Ugama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan.
- d. Memberi perkhidmatan dan kebajikan agama amnya kepada semua rakyat termasuk yang bukan Islam.
- e. Melaksanakan perkhidmatan pendidikan dan pengajaran agama kepada semua golongan masyarakat Islam termasuk menganjurkan kursus-kursus ibadat dan sebagainya.
- f. Menggalakkan penganjuran Kelas-kelas Tadika Islam di seluruh negeri.
- g. Menyelaraskan badan-badan kebajikan keagamaan termasuk kegiatan-kegiatan dakwah sukarela.
- h. Menolong dan membantu badan-badan kebajikan dari segi tenaga dan kewangan.

- i. Memikul tanggungjawab menyelidik apa juga kelemahan, sekiranya ada, dalam pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam atau pun jabatan-jabatan, agensi-agensi dan badan-badan lain serta mencadang dan menolong mengatasi kelemahan-kelemahan itu.
- j. Memperbaiki mutu penguatkuasaan Undang-undang Syariah dari masa ke semasa bagi menentukan bahawa undang-undang Islam tidak dipersenda dan mencadangkan langkah-langkah yang boleh dilaksanakan dari masa ke semasa.
- k. Menerangkan kepada masyarakat akan kebaikan undang-undang Islam ke arah penerimaan pemakaian undang-undang Islam secara universal.

Selain daripada tugas-tugas yang tersebut di atas, jabatan juga dipertanggungjawabkan dengan tugas umum seperti berikut :

- a. Perkara-perkara mengenai hal-ehwal dan pentadbiran agama.
- b. Menimbang dan mengko-ordinasikan, menyusun dan meninggikan institusi dan sekolah agama, pelajaran agama, guru-guru agama pondok, hafazan al-Quran dan mubaligh.
- c. Undang-undang Mahkamah Syariah dan hal-ehwal perkahwinan.
- d. Siaran agama dan gerak kerjanya.
- e. Pendakwaan dan penyeliaan.<sup>68</sup>

Dalam menjalankan tugasnya seperti di atas, pentadbiran Jabatan dipecahkan kepada 6 bahagian utama, iaitu Khidmat Pengurusan, Pentadbiran Undang-undang

---

<sup>68</sup> Laporan Tahunan JAHEAIK tahun 1982, h. 2-4.

Keluarga, Penguatkuasaan Undang-undang Syariah, Penyelidikan dan Penerbitan, Pendidikan dan akhirnya bahagian Dakwah.

Berdasarkan kepada perbincangan di atas, struktur pentadbiran agama Islam di Kelantan adalah unik dan berbeza dengan negeri-negeri lain di Malaysia kerana pentadbiran Islam di Kelantan ditadbir oleh tiga agensi yang berasingan, masing-masing diketuai oleh pengarahnya yang tersendiri. Ketiga-tiga agensi tersebut ialah :

1. Majlis Ugama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Kelantan,
2. Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kelantan dan
3. Yayasan Islam Kelantan.

Mengenai agensi yang ketiga ini, oleh kerana ianya berkaitan dengan pendidikan Islam maka penulis akan membincangkannya dalam tajuk berikutnya.

### **3.3 Pendidikan Islam di Kelantan**

Dalam sejarah pendidikan Islam di Malaysia, Kelantan telah muncul sebagai sebuah negeri yang pesat perkembangan pendidikan Islamnya. Perkembangan pendidikan Islam di Kelantan telah bermula seawal-awalnya dalam abad ke-16 lagi.<sup>69</sup> Mulai penghujung abad ke-19 M, pendidikan Islam telah tersebar dengan meluasnya terutama di daerah Kota Bharu.

---

<sup>69</sup> Abdullah Alwi bin Haji Hassan (1980). "The Development Of Islamic Education In Kelantan", *Tamadun Islam Di Malaysia*, Kuala Lumpur : Persatuan Sejarah Malaysia, 1980, h. 190.

Pada peringkat awal perkembangannya, ia hanya berkisar di istana dan surau-surau sahaja. Ianya diikuti oleh para pembesar negeri, anak-anak mereka dan rakyat jelata. Pada ketika itu, kitab-kitab masih lagi belum dicetak dan pengajarannya adalah dalam bentuk lisan. Kitab-kitab yang digunakan adalah kitab-kitab Arab yang dibawa dari Mekah atau India. Ianya dibawa oleh pedagang-pedagang atau orang Kelantan yang menunaikan haji di Mekah.<sup>70</sup>

Adalah dipercayai orang yang paling awal menyampaikan pendidikan Islam ialah Syeikh Haji Abdul Halim.<sup>71</sup> Beliau merupakan orang yang mula-mula mengajar pendidikan Islam di Kelantan secara teratur. Selepas kematiannya, tugas ini telah disambung oleh anaknya, Haji Yaakob. Haji Yaakob telah dijadikan penasihat oleh Sultan Muhammad II (1839-1886).<sup>72</sup>

Syeikh Abdul Halim dan keturunannya telah memainkan peranan yang penting dalam memelopori pendidikan Islam di Kelantan. Selepasnya telah berkembanglah pendidikan Islam di Kelantan dengan pesatnya, dengan lahirnya beberapa tokoh ulama' dan tumbuh pondok-pondok di serata negeri. Untuk meninjau sejarah perkembangan Islam di Kelantan, penulis akan melihatnya dari sudut institusi pendidikan tidak kepada tempoh perkembangan .

---

<sup>70</sup> Nik Mohamed bin Nik Mohd Salleh (1985), *op. cit.*, h. 98.

<sup>71</sup> Beliau bukanlah anak jati Kelantan dan merupakan anak angkat kepada Sultan Long Yunus (1762-1794). Bagi mendalami ilmu agama, sultan telah menghantar Syeikh Abdul Halim ke Mekah bersama puteranya

<sup>72</sup> Abdul Halim Ahmad (1982). "Pendidikan Islam di Kelantan", *Warisan Kelantan*, Kuala Lumpur : Jabatan Sejarah Universiti Malaya, 1982, h. 1- 6.

## i. Masjid dan Surau

Sesungguhnya masjid dan surau memainkan peranan yang penting dalam menyebarkan agama Islam di Kelantan. Masjid dan surau pada masa dahulu dibina oleh tok guru<sup>73</sup> dengan kerjasama penduduk hasil daripada pungutan wang dan derma di kalangan mereka. Masjid dan surau mempunyai fungsi yang hampir sama, yang membezakan antara keduanya hanyalah pada keluasan ruang solat jika dibandingkan dengan surau dan beberapa aspek seperti binaan, kawasan, fadilat dan sebagainya.

Masjid mempunyai dwi-fungsi iaitu sebagai tempat ibadah dan mengajar pelajaran agama. Para pelajar akan memenuhi halaqah pengajian mengikut waktu yang telah ditetapkan oleh tok guru. Masjid juga menjadi tumpuan bagi para pelajar untuk berbincang dan bermuzkarah.

Bilakah tarikh sebenar bermulanya pengajian di masjid tidak dapat dipastikan, hanya berpandukan kepada beberapa buah masjid tua yang terdapat di Kelantan maka dapatlah dibuat kesimpulan bahawa pengajian di masjid telah bermula dengan tertubuhnya masjid tersebut.<sup>74</sup>

Terdapat tiga buah masjid besar yang tua usianya di Kelantan. Masjid-masjid itu ialah Masjid Kampung Laut yang dipercayai berusia lebih daripada tiga ratus

---

<sup>73</sup> Gelaran kepada guru agama atau para ulama' bagi masyarakat Kelantan

<sup>74</sup> Nik Mohamed (1985), *op. cit.*, h. 98.

tahun dan merupakan masjid yang tertua di Malaysia.<sup>75</sup> Masjid yang kedua ialah Masjid Muhammadi yang ada sekarang. Ianya dibina pada tahun 1867 M, kemudian diganti dengan bangunan baru pada tahun 1925 M. Masjid yang ketiga pula ialah Masjid Langgar yang dibina di sekitar pertengahan abad ke-19 M.<sup>76</sup>

Memandangkan Masjid Kampung Laut berusia lebih daripada tiga ratus tahun, bolehlah diambil kesimpulan bahawa masjid dan surau menjadi pusat pendidikan di Kelantan bermula sejak tiga ratus tahun hingga empat ratus tahun dahulu. Ini adalah kerana penubuhan masjid dan surau adalah selari dengan kedua-duanya.

Masjid dan surau pada masa ini bukan sahaja berperanan sebagai tempat untuk beribadat semata-mata tetapi juga berfungsi sebagai tempat menuntut ilmu-ilmu yang pelbagai. Di Masjid Muhammadi dan surau-suru yang lain, kita dapat lihat biasanya pada waktu pagi, petang dan malam akan diadakan sesi pengajaran kitab-kitab agama kepada orang ramai. Pada tiap-tiap waktu fardu sembahyang pula, orang ramai membanjiri masjid dan surau untuk berjamaah bersama-sama.<sup>77</sup> Ini memperlihatkan kepada kita bahawa masjid dan surau pada masa ini sangat penting kepada masyarakat sebagai tempat mendapat ilmu pengetahuan.

---

<sup>75</sup> Abdul Rahman al-Ahmadi (1985), "Catatan Sepintas Lalu : Beberapa Perbandingan Antara Kelantan – Minangkabau", *Warisan Kelantan IV*, Kota Bharu : Perbadanan Musium Negeri Kelantan, Istana Jahar, h. 99.

<sup>76</sup> Nik Mohamed (1985). *op. cit.*, h. 98-99.

<sup>77</sup> Nik Abdul Aziz bin Haji Nik Hassan (1983), "Islam dan Masyarakat Kota Bharu di Antara Tahun 1940 – 1990", *Islam di Kelantan*, Kuala Lumpur : Persatuan Sejarah Malaysia, 1983, h. 2.

Menurut Abdullah al-Qari, Masjid Muhammadi adalah merupakan sebuah pusat pengetahuan agama yang terbesar di Kelantan bahkan sebuah universiti yang menjalankan tugas secara tidak langsung sejak dari ia dibina sampailah ke hari ini.<sup>78</sup>

Pusat pendidikan Islam di masjid-masjid dan surau-surau ini bertambah rancak lagi dengan lahirnya ramai ulama' yang mashyur di Kelantan pada masa itu. Para ulama' telah menjadikan masjid dan surau sebagai sasaran utama untuk pengajaran ilmu. Antara mereka yang terkemuka ialah Haji Abdul Samad bin Muhammad Salleh (Tuan Tabal), Tok Kenali, Haji Wan Ali bin Abdul Rahman Kutan, Haji Yaacob bin Haji Abdul Halim, Haji Abdul Rahman Khatib, Haji Ismail Pontianak, Haji Ali Solahuddin Pulau Pisang dan ramai lagi yang seangkatan dengannya.<sup>79</sup>

Fungsi masjid dan surau sebagai pusat pendidikan Islam hanya dapat dilihat antara abad ke-19 sehingga menjelang Perang Dunia Kedua sahaja. Selepas itu masjid dan surau mengalami zaman kemalapan dari segi pembelajaran halaqah kitab. Ini adalah kerana pada masa ini telah wujud Sistem Persekolahan Majlis. Sistem pengajian di Masjid Muhammadi ini khususnya telah dipindahkan ke dalam sistem persekolahan di Jamie' Merbau. Dengan ini tinggallah masjid dan surau itu dengan fungsinya yang dapat kita lihat sekarang sebagai tempat beribadah dan majlis ilmu yang kecil sahaja.

---

<sup>78</sup> Abdullah al-Qari Haji Salleh (1967), *Sejarah Hidup Tok Kenali*, Kota Bharu : Pustaka Aman Press, h. 27.

<sup>79</sup> Abdul Razak Mahmud (1991), "Halaqah Kitab Masjid Muhammadi". *Pengasuh*, bil. 515, Kota Bharu : Majlis Agama Islam Kelantan, 1991, h. 4.

## ii. Pondok

Sistem pendidikan pondok mula muncul di Kelantan pada awal abad ke-19 Masehi. Perkataan pondok berasal daripada perkataan Arab yang ertinya rumah kecil tempat tinggal pelajar yang didiami oleh tiga hingga empat orang bagi tiap-tiap sebuah rumah.<sup>80</sup>

Pondok terawal yang didirikan di Kelantan dipercayai muncul pada abad ke-19 iaitu pada tahun 1820 oleh Tuan Guru Haji Abdul Samad bin Abdullah. Pondok ini didirikan di Pulau Chondong. Beliau juga lebih dikenali dengan panggilan Tok Pulau Chondong (1792-1874). Beliau mendapat pendidikan awal di Pattani, kemudian meneruskan pengajiannya di Mekah. Tuan Guru Haji Abdul Samad telah menjadi perintis dalam memperkenalkan sistem pondok di Kelantan.<sup>81</sup>

Di antara pondok-pondok yang telah didirikan di Kelantan sebelum 1910 ialah Pondok Tok Pulau Chondong 1820, Pondok Tok Bachok pada tahun 1900, Pondok Haji Abdul Malik, Tumpat pada 1907, Pondok Haji Yusuf, Pulau Ubi, Geting Tumpat pada 1908, Pondok Kubang Pasu Kota Bharu pada 1900, Pondok Sungai Budor, Pondok Kampung Banggol, Pondok Tuan Padang dan Pondok Tok Semian yang diasaskan oleh Haji Wan Abdul Samad bin Mohd Salleh atau lebih dikenali dengan gelaran Tuan Tabal.<sup>82</sup>

---

<sup>80</sup> Abdul Halim Ahmad (1982), *op. cit.*, h. 1.

<sup>81</sup> *Ibid.*, h. 8-9.

<sup>82</sup> Nik Mohamed Nik Mohd Salleh (1985), *op. cit.*, h. 98.

Sistem pendidikan Islam tradisional atau pondok telah menuju ke zaman gemilangnya pada awal abad ke-20. Pada zaman inilah pondok-pondok terdiri dengan banyaknya dan tersebar dengan luasnya di Kelantan. Pada ketika itu, sistem pendidikan pondok telah mencapai kemajuan yang gilang gemilang, bahkan ada sesetengahnya yang purata penuntutnya mencapai angka lebih dari seribu orang.<sup>83</sup>

Menurut William R. Roff, pendidikan pondok semakin berkembang hasil peranan yang dimainkan oleh murid-murid Tuan Tabal.<sup>84</sup> Tuan Tabal mengajar ilmu agama dalam bidang fiqh, tauhid, usuluddin dan tasawuf. Beliau adalah pengikut tasawuf aliran *Wahdah al-Wujūd* dan menjadi pengasas kepada ajaran Tariqat Ahmādiyah di Jajahan Kota Bharu.<sup>85</sup>

Sekitar tahun 1900, pendidikan pondok telah mendapat persaingan dari sekolah berbentuk sekular yang ditaja oleh British. Sekolah sekular ini telah dibina di Kota Bharu pada tahun 1904. British telah menggunakan berbagai cara untuk menarik minat rakyat ketika itu kepada sekolah sekular. Antaranya dengan mengatakan sekolah berbentuk pondok itu adalah primitif kerana mata pelajarannya tidak sama dengan sekolah Inggeris. Manakala sistem pengajiannya hanya mengajar sedikit sahaja cara menulis dan membaca.<sup>86</sup> Walau bagaimanapun, usaha-usaha British ini

---

<sup>83</sup> *Ibid.*, h. 104.

<sup>84</sup> William R. Roff (1974), *Kelantan: Religion, Society And Politics In A Malay State*, Kuala Lumpur : Oxford University Press, , h. 155.

<sup>85</sup> Nik Abdul Aziz Haji Nik Hassan (1997), *Sejarah Perkembangan Ulama' Kelantan*, Kota Bharu : Pustaka Aman Press. h. 44.

<sup>86</sup> Wan Burhadir. Wan Omar (1983). "Yayasan Pengajian Tinggi Islam (sehingga 1974)". *Islam Di Kelantan*. Kuala Lumpur : Persatuan Sejarah Malaysia. 1983, h. 93.

tidak begitu berjaya. Masyarakat Islam ketika itu lebih berminat kepada pengajian agama yang berbentuk pondok.

Antara pondok yang telah mendapat sambutan dan mempunyai murid yang ramai selepas tahun 1930 ialah Pondok Terusan Pasir Tumboh yang ditubuhkan pada tahun 1971 kira-kira 10 kilometer dari Kota Bharu,<sup>87</sup> Pondok Bunut Payung, Pondok But, Pondok Lubuk Tapah, Pondok Sungai Durian, dan Pondok Kubang Bemban.

Walaupun pada tahun 1950–1970-an, sistem pondok masih mendapat sambutan dari orang ramai, tetapi pada hakikatnya selepas tahun 1945, ia merupakan zaman kemalapan dalam sistem pengajian pondok. Dapatlah dirumuskan, selepas kedatangan Jepun, pengaruh pondok telah mengalami kemerosotan sedikit demi sedikit. Keadaan ini semakin berterusan selepas negara mencapai kemerdekaan. Terdapat juga pondok-pondok yang telah ditutup dan ada juga yang telah menukar sistem pengajiannya kepada sistem sekolah. Contohnya pada tahun 1958, Pondok Bunut Payung, Kota Bharu telah diubahsuai menjadi Madrasah Islamiah dan Pondok Haji Mohd Noor di Kampung But menjadi Madrasah Sa'adah al-Qura pada tahun 1970.<sup>88</sup>

Antara sebab utama yang membawa kemunduran institusi pondok ialah telah timbul perubahan-perubahan di dalam perkembangan pendidikan Islam di Kelantan. Ini kerana pada masa itu telah muncul Sekolah-sekolah Agama Majlis dan Rakyat

---

<sup>87</sup> Mohamad Yusuf (1971), "Sistem Pondok Masih Berkembang Di Kelantan: Pelajar Bercita-cita Untai Jadi Orang Alim", *Utusan Melayu*, 26 Februari 1971.

<sup>88</sup> Nik Mohamed Nik Mohd Salleh (1985), *op. cit.*, hal. 109.

yang menggunakan Bahasa Arab sebagai bahasa pengantar serta sekolah-sekolah Melayu kerajaan negeri yang lebih teratur dan selesa daripada pondok.

### iii. Sekolah Agama

Sekolah agama adalah merupakan salah satu daripada pusat pendidikan Islam yang penting di Kelantan. Tujuan penubuhan sekolah-sekolah agama ini adalah untuk mendidik dan melahirkan qadhi, imam dan pegawai-pegawai yang berpelajaran di samping untuk menyebarkan agama Islam itu sendiri.<sup>89</sup>

Setakat yang diketahui pendidikan Islam secara persekolahan di Kelantan bermula pada tahun 1904 M apabila sekolah-sekolah agama telah didirikan di Kota Bharu. Tetapi ada pula yang mengatakan sekolah agama yang pertama di negeri Kelantan telah dibina pada tahun 1910 M, iaitu sekolah Madrasah Khairiyah di Lorong Tok Semian, Kota Bharu.<sup>90</sup> Mata pelajaran yang diajar pada masa itu ialah mengaji al-Qur'an dan Bahasa Arab.

Selepas penubuhan MAIK pada tahun 1915, beberapa langkah telah diambil bagi memajukan sistem pendidikan di Kelantan. Antaranya dengan membuka sekolah. Sekolah agama pertama didirikan oleh Majlis ialah Madrasah Muhammadiyah (Melayu) pada 5hb. Ogos 1917, diikuti kemudiannya, Madrasah Muhammadiyah pada tahun 1932, tetapi khusus bagi anak-anak perempuan sahaja. Kedua-dua sekolah ini

---

<sup>89</sup> Rahim bin Abdullah (1983), "Pelajaran Pondok Di Negeri Kelantan" dalam *Beberapa Aspek Warisan Kelantan II*, Perbadanan Muzium Negeri Kelantan, Kota Bharu, 1983, hal. 3-4.

<sup>90</sup> Sa'ad Shukri bin Haji Muda. *op. cit.*, h. 129.

terletak di tingkat bawah bangunan pejabat lama Majlis Ugama Islam Kelantan di Jalan Sultan. Kota Bharu. Sementara itu, di peringkat jajahan pula Majlis telah membuka tiga buah sekolah; sebuah di Pasir Puteh, sebuah di Pasir Mas (kedua-duanya dalam tahun 1918) dan sebuah lagi di Kampung Kutan, Tumpat (tahun 1919).

Pada tahun 1918, Majlis telah mempergiatkan lagi usaha untuk meninggikan persekolahan agama di Kelantan dengan mendirikan beberapa buah sekolah lagi. Antaranya ialah di Pasir Mas dan Pasir Puteh pada 1918, manakala pada 1 Ogos 1919 di Kampung Kutan. Pelajaran yang diajar adalah sama dengan sekolah lain, cuma perbezaannya ialah pada sebelah petang diajar Bahasa Arab, Fiqh dan beberapa mata pelajaran agama. Pada tahun 1924, sekolah-sekolah di Pasir Mas, Pasir Puteh dan Kutan telah ditutup akibat masalah kewangan Majlis.<sup>91</sup>

Majlis terpaksa menunggu sehingga tahun 1937 untuk membuka sebuah sekolah Arab di Kelantan akibat masalah kewangan. Pada 1 April 1937, sekolah Arab yang pertama telah dibuka iaitu Madrasah Muhammadiyah Arabiah. Pada awal pengajiannya terdapat seramai 75 orang pelajar dengan tiga orang guru iaitu Sayyid Abu Bakar Abdullah al-Attas yang bertindak sebagai pengetua, Haji Wan Daud dan Haji Wan Yusuf Haji Wan Hassan sebagai penolongnya.<sup>92</sup>

---

<sup>91</sup> Abdul Razak Mahmud (1992). "Tujuh Puluh Lima Tahun Majlis Ugama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan", *Warisan Kelantan XI*, Kuala Lumpur : Perbadanan Muzium Kelantan, 1992, h. 12.

<sup>92</sup> Badan Persuratan dan Penerbitan Maahad Muhammadiyah, *Majalah al-Nur*, Bil. 13, Kota Bharu : Pustaka Aman Press, Mac 1979, h. 2.

Terdapat juga sekolah-sekolah agama yang didirikan oleh orang perseorangan atau individu tertentu. Kewangan bagi membiayai sekolah ini datangnya daripada wang khairat, derma orang ramai dan melalui yuran sekolah. Ia dinamakan Sekolah Agama Rakyat. Sebilangan besar sekolah-sekolah rakyat ini telah didaftarkan di bawah Majlis.

Pada tahun 1952 M, terdapat 10 buah sekolah agama kerajaan yang dibiayai oleh MAIK. Antaranya ialah Madrasah Arabiah Jamie' Merbau Kota Bharu, Madrasah Arabiah Pasir Mas, Madrasah Falahiah Pasir Pekan, Madrasah Amir Indera Putera Beris dan Madrasah Isma'iliyah Semerak. Sekolah-sekolah agama rakyat dan kerajaan semakin bertambah pesat selepas tamat Perang Dunia Kedua. Sekolah agama rakyat ini ada yang mendapat bantuan daripada kerajaan. Campur tangan daripada kerajaan ini, memberi kesan yang baik kepada pelajar-pelajar sekolah itu dan dengan ini juga telah menjadikan susunan pelajaran semakin kemas dan teratur.<sup>93</sup>

Dalam tempoh dua dekad (1940–1960), persekolahan Majlis ini berada di peringkat kemuncak, makmur dan gemilang. Ramai pelajar yang menyertai persekolahan ini sama ada lepasan pondok atau separa pondok. Selain daripada itu, kesan daripada Perang Dunia Kedua juga telah menjadikan sekolah ini sebagai “wadah” tempat untuk menampung bahang semangat nasionalisme.<sup>94</sup>

---

<sup>93</sup> Nik Mohamed (1985). *op.cit.*, h. 111.

<sup>94</sup> Abdul Razak Mahmud (1992). “Tujuh Puluh Lima Tahun Majlis Ugama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan. *op. cit.*, h. 10.

Pada tahun 1970-an, perkembangan sekolah-sekolah agama di Kelantan menghadapi pelbagai masalah. Sekolah-sekolah agama yang ditadbir oleh Majlis tidaklah memberi masalah yang besar dari segi pengurusannya, tetapi yang menimbulkan masalah ialah Sekolah-sekolah Agama Rakyat. Antara masalahnya ialah ketidakselarasan dari segi pentadbiran seperti masalah kewangan, sukatan pelajaran, peralatan belajar dan kekurangan guru. Keadaan ini telah membawa kepada kemunduran sekolah-sekolah itu. Terdapat juga beberapa buah sekolah yang terpaksa ditutup. Contohnya, pada tahun 1972, terdapat 189 buah sekolah yang didaftar di bawah Majlis tetapi menjelang tahun 1973, hanya 87 buah sekolah sahaja yang terus berfungsi.<sup>95</sup>

Disebabkan faktor-faktor kemerosotan inilah, Kerajaan Negeri Kelantan telah mengambil inisiatif untuk mengambil alih semua sekolah agama di bawah Majlis Agama Islam dan Sekolah Agama Rakyat. Bagi mencapai hasrat ini, kerajaan negeri telah memberi kuasa kepada Yayasan Pengajian Tinggi Islam Nilam Puri bagi menyediakan kertas kerja bagi menubuhkan satu jabatan baru untuk sekolah-sekolah agama.

#### **iv. Pusat Pengajian Tinggi Islam**

Pengajian Islam di Kelantan boleh dikatakan sampai ke kemuncaknya dengan penubuhan Pusat Pengajian Tinggi Islam Nilam Puri oleh Kerajaan Negeri dalam tahun 1965. Hasrat penubuhannya telah dicetuskan oleh Dato' Haji Muhamed bin

---

<sup>95</sup> Muhammad Nawi Hasyim (1984), *Sinar Kelantan*. Kota Bharu : Pustaka Aman Press, Jun 1984, h. 8.

Nasir, Timbalan Menteri Besar pada ketika itu. Dengan usaha yang bersungguh-sungguh oleh beberapa pihak, baginda Sultan Kelantan telah bermurah hati mengurniakan Istana Nilam Puri sebagai bangunan awal.<sup>96</sup> Universiti tersebut ditubuhkan pada 1hb. Oktober 1965 dengan nama Pusat Pengajian Tinggi Islam Kelantan terletak di Istana Nilam Puri dengan keluasan 15 ekar.<sup>97</sup>

Antara tujuan dan matlamat penubuhan Pusat ini ialah menjadi pendorong bagi perkembangan pengajian tinggi Islam di tanah air dan melahirkan angkatan terpelajar Islam dalam lapangan perundangan Islam serta mengadakan peluang dan kemudahan bagi pelajar untuk menyambung pengajian khusus di luar negeri.<sup>98</sup>

Pada peringkat awal penubuhannya Pusat ini hanya mempunyai satu fakulti sahaja iaitu Fakulti Syariah yang mula dibuka pada 1hb. Oktober 1965. Pada 10hb. Oktober 1968, Dewan Undangan Negeri Kelantan telah meluluskan enakmen 9/1968 mengenai penubuhan Yayasan Pengajian Tinggi Islam Kelantan. Yayasan ini ditadbir oleh sebuah majlis yang dinamakan "Majlis Tertinggi Yayasan". Keahlian majlis tersebut dilantik oleh sultan bagi tempoh masa selama tiga tahun sekali.<sup>99</sup>

Dalam tahun yang sama Majlis Universiti al-Azhar telah mengiktiraf kuliah al-Syariah wal-qanun YPTIK setaraf kuliah  Syariah wal-Qanun, Universiti al-Azhar.

---

<sup>96</sup> Nik Muhamed Nik Mohd Salleh (1985), *op.cit.* 116.

<sup>97</sup> *Buku Cenderamata Sambutan 10 Tahun Yayasan Pengajian Tinggi Islam Kelantan*, Kota Bharu : Pustaka Aman Press, 1977, h. 33.

<sup>98</sup> "Pusat Pengajian Tinggi Islam di Istana Nilam Puri", dalam *Majalah Kelantan*, Kota Bharu : Penerbitan Kerajaan Negeri Kelantan, Jld. 1, bil. 1, Februari 1966, h. 3.

<sup>99</sup> *Buku Cenderamata Sambutan 10 Tahun Yayasan Pengajian Tinggi Islam Kelantan*, *op.cit.* h. 33 & 36.

Pengiktirafan itu telah membuka satu lambaran baru perkembangan pendidikan Islam tanah air. Setelah beberapa lama YPTIK bukan saja menjadi tumpuan dari mahasiswa anak negeri bahkan mendapat tumpuan dari seluruh tanah air. Pada tahun 1973 bilangan penuntutnya mencapai bilangan 500 orang.

Oleh kerana mendapat sambutan yang besar dari para mahasiswa Islam seluruh negara, maka pada 1974 beberapa fakulti telah ditubuhkan antaranya Fakulti Ekonomi, Fakulti Usuluddin dan Kemasyarakatan serta kursus Pra Universiti. Di penghujung 1975 setelah lawatan YAB Tun Razak (Perdana Menteri) pada Mei 1974, Pusat Pengajian Tinggi Islam Nilam Puri ingin dijadikan sebagai Fakulti Islam kepada Universiti Kebangsaan Malaysia. Walau bagaimana pun pengambilalihan tidak dapat dilaksanakan kerana beberapa sebab antara YPTIK dan pihak Universiti Kebangsaan Malaysia.

Pada tahun 1976, YPTIK telah mengadakan rundingan dengan Universiti Malaya untuk dijadikan sebuah cawangannya yang mempunyai identiti sendiri. Akhirnya pada tahun 1981 Akademi Islam, Universiti Malaya, Nilam Puri telah ditubuhkan hasil pengambil alihan YPTIK.<sup>100</sup>

#### **v. Yayasan Islam Kelantan**

Penubuhan Yayasan Islam Kelantan pada tahun 1983 didahului oleh penubuhan Jabatan Sekolah-Sekolah Agama Kelantan (JASA) pada bulan Julai 1974.

---

<sup>100</sup> Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, *Buku Panduan Program Ijazah Tinggi (1999/2000)*, Kuala Lumpur : Cybergraphics Services, h. 3

Seperti yang telah dibincangkan, semua tanggungjawab persekolahan agama dalam negeri Kelantan sebelum penubuhan JASA dan YIK adalah terletak di bawah bidang kuasa Majlis Ugama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan. Malah bidang persekolahan agama, adalah termasuk di antara kegiatan-kegiatan awal yang sangat diberi perhatian oleh Majlis tidak lama selepas penubuhannya.

Dengan bertambahnya bilangan sekolah serta ditambah dengan faktor-faktor kewangan Majlis yang terhad, maka terjadi kepincangan dalam pentadbiran dan berlakulah kelemahan dalam bidang pelajaran dan pembelajaran di sekolah-sekolah ini. Atas pertimbangan-pertimbangan inilah, serta atas desakan banyak pihak kerajaan negeri Kelantan menubuhkan sebuah badan khusus bagi mengambil alih kuasa dan tanggungjawab persekolahan agama daripada Majlis.

Jabatan ini telah dikenali sebagai "Jabatan Sekolah-sekolah Agama" atau JASA. Ianya telah dilancarkan pada 1 Julai 1974, oleh Datuk Haji Ishak Lutfi di Yayasan Pengajian Tinggi Islam Kelantan Nilam Puri (YPTIK). JASA akan mengambil alih semua sekolah agama di Kelantan.<sup>101</sup> Jabatan ini telah diletakkan di bawah Majlis Tertinggi Yayasan Pengajian Tinggi Islam Kelantan (YPTIK) dengan Enakmen Nombor 9 Seksyen 4 / A / 1968 dan dibuat Enakmen pindaan 3 / 1977.<sup>102</sup>

Kemudiannya Pada tahun 1979, satu enakmen baru diluluskan oleh Badan Perundangan Negeri Keiantan bagi menubuhkan Yayasan Pelajaran Islam Negeri

---

<sup>101</sup> Abdullah Alwi (1980), *op. cit.*, h. 217.

<sup>102</sup> Yayasan Pengajian Islam Negeri Kelantan ( YPINK ). Bil. ( 5 ) dim. JASA T / 143, *Strategi Pelajaran Agama YPINK*, 18 Oktober 1979, h. 1.

Kelantan (YPINK), bagi menggantikan JASA. Enakmen yang memakai angka Bilangan 5 tahun 1979 ini mula berkuatkuasa pada 1hb. Jun 1979.

Dalam perkembangan selanjutnya, berikutan daripada pemansuhan Enakmen YPTIK dan Enakmen YPINK, Badan Perundangan Negeri meluluskan enakmen baru - Enakmen Bilangan 8 Tahun 1982 - iaitu Enakmen yang membawa kepada penubuhan Yayasan Islam Kelantan yang ada sekarang yang telah mula berkuatkuasa pada 1hb. Mac 1983. Sama seperti YPTIK dan YPINK yang dimansuhkan, YIK ini juga bertaraf sebuah Badan Berkanun di bawah Kerajaan Negeri.

Sekolah-sekolah agama kini diletakkan di bawah Yayasan Islam Kelantan (YIK) dan sekarang terdapat sebanyak 88 buah sekolah agama di Kelantan, iaitu 17 buah Sekolah Menengah Ugama (Arab) kerajaan dan 71 buah Sekolah Menengah Ugama (Arab) bantuan.<sup>103</sup>

---

<sup>103</sup> Unit Bahasa Arab Nilam Puri, *Buku Laporan Yayasan Islam Kelantan*, Kota Bharu, 1998, h. 7.

Jadual 2.3

SMU(A) YAYASAN ISLAM KELANTAN

Bil	Jajahan	SMU(A) Kerajaan	SMU(A) Bantuan	Lain-lain*	Jumlah
01	Kota Bharu	3	14	3	20
02	Pasir Mas	2	16	0	19
03	Tanah Merah	1	10	0	11
04	Pasir Puteh	1	10	0	11
05	Tumpat	2	6	0	8
06	Kuala Krai	1	6	0	7
07	Bachok	2	4	1	7
08	Jeli	2	2	0	4
09	Machang	2	2	1	5
10	Gua Musang	1	0	0	1
<b>Jumlah</b>		<b>17</b>	<b>71</b>	<b>5</b>	<b>93</b>

Sumber : *Pengenalan SMU(A) Yayasan Islam Kelantan 2002*

Bidang tugas YIK adalah khusus bagi perkara-perkara yang melibatkan pendidikan dan persekolahan agama dalam negeri Kelantan. Pada hari ini tugas YIK meliputi perkara-perkara seperti sistem dan kurikulum pelajaran agama, peperiksaan,

\* Terdapat 3 buah Tadika Islam di Kota Bharu, sebuah Pusat Pengajian Pondok di Bachok dan sebuah Maahad Tahfiz al-Quran di Machang.

kursus-kursus perguruan, pengajian bahasa Arab, pendidikan pondok, tadika Islam serta lain-lain perkara yang berkaitan dalam bidang pendidikan agama.

Bagi menjalankan pentadbirannya Yayasan mempunyai carta organisasi dan pentadbirannya sendiri. Dengan diketuai oleh seorang Pengarah serta dibantu oleh dua orang Penolong Pengarah, Yayasan telah membahagikan carta organisasinya kepada beberapa bahagian, antaranya termasuklah Bahagian Pentadbirandan Kewangan, Bahagian Pelajaran dan Pendidikan, Bahagian Peperiksaan, Pusat Bahasa Arab, Pengajian Pondok dan lain-lain.

Kini YIK menampung bilangan pelajar yang besar seramai 38.817 orang di semua kelolaannya sama ada sekolah bantuan penuh atau sekolah rakyat. Terdapat seramai 967 orang guru yang mengajar di 17 buah SMU(A) kerajaan dan 1,126 orang guru yang mengajar di 70 buah SMU(A) bantaun.

Jadual 2.4

**BILANGAN PUSAT PENGAJIAN , GURU DAN MURID DI BAWAH  
KELOLAAN YAYASAN ISLAM KELANTAN**

	<b>SEKOLAH</b>	<b>GURU</b>	<b>PELAMAR</b>
SMU(A) Kerajaan	17	967	19.515
SMU(A) Bantuan Kerajaan	70	1.126	18.104
Pusat Pengajian Pondok	1	21	219
Maahad Tahfiz al-Quran	1	18	221
Tadika Islam	3	38	758
<b>Jumlah</b>	<b>92</b>	<b>2.170</b>	<b>38.817</b>

Sumber : *Pengenalan SMU(A) Yayasan Islam Kelantan 2002*

Adalah jelas bahawa sebelum tertubuhnya Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kelantan (1979) dan Yayasan Islam Kelantan (1983), semua urusan agama di peringkat negeri ini adalah terletak di bawah bidang kuasa Majlis. Penubuhan kedua-dua Jabatan dan Yayasan tidak lain ialah untuk membantu Majlis dalam perkara-perkara yang telah ditentukan, Jabatan dalam perkara kuatkuasa undang-undang dan pendakwaan, manakala Yayasan dalam bidang pelajaran dan persekolah agama. Adapun pada perkara-perkara keagamaan yang lain seperti fatwa, penubuhan mukim dan masjid Jumaat, perlantikan pegawai-pegawai masjid, kutipan zakat dan fitrah, amanah-amanah dalam bentuk wakaf dan nazar, baitulmal serta beberapa perkara yang lain, tetap dipegang oleh Majlis.

Sebagai kesimpulannya, asas kepada kelahiran sekolah-sekolah agama di Kelantan, kemudian penubuhan Jabatan Sekolah-sekolah Agama (JASA), penubuhan Yayasan Pelajaran Islam Negeri Kelantan (YPINK) sehinggalah membawa kepada penubuhan Yayasan Islam Kelantan (YIK) pada tahun 1983, adalah berkait rapat dengan perkembangan pendidikan Islam pada awal 1900 yang bermula dengan pengajian di masjid, surau kemudian pondok. Kelahiran sekolah agama dan Arab telah menyebabkan pengaruh pondok semakin berkurangan. Ini mungkin berpunca dari sistem persekolahan itu yang mempunyai persamaan dengan pengajian di pondok. Tambahan pula sekolah ini mempunyai sistem yang lebih baik dan teratur.

### 3.4 Perkembangan Persuratan Islam di Kelantan

Kelantan mempunyai sejarahnya yang tersendiri di bidang persuratan dan penerbitan. Sejarah perkembangan persuratan Islam di Kelantan amat jelas sekali sama ada dalam bentuk sastera kitab dan sastera kreatif. Perkembangannya amat subur di sekitar abad ke-19 dan 20.<sup>104</sup> Dari segi penerbitan pula, Kelantan di antara negeri Tanah Melayu yang giat menerbitkan buku, majalah dan akhbar. Antara tahun-tahun 1918 hingga 1941 Kelantan telah menerbitkan sebanyak 12 buah majalah buku dan beberapa kitab agama yang menjadi teks di segenap pelusuk institusi pengajian pondok. Antara majalah yang telah diterbitkan itu 11 buah daripadanya diterbitkan di Kota Bharu dan satu di Pasir Puteh.<sup>105</sup>

#### 3.4.1 Penulisan Kitab Agama

Sekitar separuh kedua abad ke-19 terdapat 20 buah karya bercetak yang dihasilkan oleh ulama' Kelantan. Antara yang paling menonjol di kalangan mereka ialah Haji Abdul Samad bin Muhamad Saleh al-Kelantani (Tuan Tabal), beliau telah menghasilkan 8 buah kitab.<sup>106</sup> Selepas Tuan Tabal, nama besar yang menghasilkan sastera kitab ialah Tok Wan Ali Kutan. Karya karangan beliau masih terkenal dan

---

<sup>104</sup> Abdul Razak Mahmud (2000), "Persuratan Islam di Kelantan, Terengganu dan Pattani Sehingga Awal Abad Ke-20", Kertas Kerja Untuk Bengkel Penulisan Prosa Islam, Anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka, Pada Julai 2000 di Perdana Resort, Kelantan.

<sup>105</sup> Alias Mohamad (t.t), *Inteligensia Melayu*, Kuala Lumpur: Insular Publishing House Sdn. Bhd., h. 46.

<sup>106</sup> Kitab karangan beliau ialah : *Munabih al-Ghafilin* (1868), *Jalā' al-Qulub bi Dhikri Allah* (1870), *Kifayah al-'Awam fi ma Yajibu Alaihim Min Umur al-Islam* (1878), *Manhathu al-Qarib* (1883), *Bidayah al-Ta'lim al-'Awwam* (1906), *Maniyah Ahl al-Awbah* (t.t), *Babun Harif* (1940), *Maniyah al-Murid* (1926).

dipakai sebagai teks di pusat pengajian pondok. Darinya telah muncul 4 buah kitab seperti *al-Jauhar al-Mauhūb* dan *Lumah al-'Aurād*.<sup>107</sup>

Selain dari dua tokoh ini terdapat nama lain yang muncul sezaman dengan mereka, antaranya Haji Abdul Rahman bin Wan Keling, beliau menulis dua buah kitab iaitu *Majmu' al-'Urfan dan Ar-Raudhah al-Mahbūbah fi Fadhīlah al-Solāt al-Maktūbah*.<sup>108</sup>

Pada awal abad ke-20, muncul seorang ulama' yang sangat aktif menulis dan menterjemah kitab-kitab agama. Beliau yang dimaksudkan ialah Haji Umar bin Ismail Nuruddin Sg. Keladi. Beliau merupakan rakan seperguruan dengan Tok Kenali. Setelah pulang dari Mekah beliau bertugas sebagai pegawai penterjemah di pejabat terjemah kitab Majlis Agama Islam Kelantan yang beru di tubuhkan pada tahun 1915. Selama bertugas di MAIK beliau telah menghasilkan 9 buah kitab.<sup>109</sup>

Sehingga pertengahan abad ke-20, telah muncul beberapa tokoh ulama' yang menghasilkan kitab antara mereka ialah Sheikh Muhammad bin Mohd. Saleh,

---

<sup>107</sup> Selain dari dua buah kitab tersebut terdapat dua buah kitab lain yang berjudul *Zahrah al-Murīd fi Aqidatīl Tauhid* dan *Majmu'ul Qasaaid*. Kedua-dua kitab ini kurang terkenal berbanding dengan dua yang pertama.

<sup>108</sup> Abdul Razak Mahmud, "Persuratan Islam di Kelantan, Terengganu dan Fatani Sehingga Awal Abad Ke-20", *op.cit*.

<sup>109</sup> *Ibid*, Buku karangan beliau ialah : *Jalan Sejahtera* (1917), *Jambangan Melayu* (1917), *Pengenal Kesucian* (1921), *Akd al-Falah* (1922), *Tazkiratul Awwam* (1923), *Pelajaran Membahagi Pesaka* (1923), *Miftahul Taalim* (1924), *Shamsul Fathiyah* (1926), *Ad-Duru' Naqī fi Maarīfatī Arqan al-Hindi* (1909).

Muhamad bin Ahmad al-Kelantani, Ibrahim bin Muhamad Yusuf dan lain lagi.<sup>110</sup> Setelah kepulangan ramai anak Kelantan yang belajar di luar negara terutamanya di Mekah dan al-Azhar, kegiatan penulisan buku-buku agama berkembang dengan begitu pesat sekali. Perkembangan penulisan ini telah meluas dari bentuk penulisan kitab kepada penulisan yang lebih berbentuk semasa seperti majalah, akhbar dan risalah. Kegiatan ini didorong oleh semangat anti penjajahan dan patriotisme Melayu yang ingin mencapai kemerdekaan di tanah air sendiri.

### 3.4.2 Penerbitan Majalah

Setelah percetakan mula dibawa masuk ke Tanah Melayu sekitar tahun 60-an dalam abad ke-19 dan kesedaran yang tinggi di kalangan ulama' bahawa peranan penulisan dan persuratkahabaran selaku *mass media* untuk menyatupadukan umat Melayu maka lahirlah gelombang baru dalam dakwah Islam di tanah air. Majalah Islam pertama di terbitkan ialah majalah *al-Imam* pada tahun 1906 oleh Syed Sheikh bin Ahmad al-Hady. Kemudian dari itu lahirlah sebuah majalah yang tertua dan masih lagi diterbitkan hingga ke hari ini. Pada tahun 2002, majalah *Pengasuh* telah berusia 84 tahun..

Dengan kelahiran majalah *Pengasuh*<sup>111</sup> sebagai medan dakwah baru, para ulama' dan inteligentsia Melayu mula menumpukan usaha mereka dalam penulisan dan penerbitan. Kelantan telah menerbitkan berbagai bentuk majalah dan surat kahbar dari zaman sebelum dan selepas merdeka. Untuk melihat perkembangan penulisan

---

<sup>110</sup> *Ibid*.

<sup>111</sup> Majalah *Pengasuh* telah diterbitkan oleh MAIK.

dan penerbitan di Kelantan, ianya dapat ditinjau melalui empat peringkat. Peringkat pertama sekitar awal abad 20 hingga tahun 40-an. Dalam dekad ini penulisan dan penerbitan telah berkembang dengan pesatnya. Ini disebabkan semakin sedarnya orang Melayu terhadap politik dan penerbitan sebagai media yang mustahak dalam kehidupan.<sup>112</sup> Majalah pertama yang diterbitkan ialah *Pengasuh* pada 11hb. Julai 1918, kemudiannya majalah *al-Kitab*,<sup>113</sup> *al-Hidayah*,<sup>114</sup> *Terok*,<sup>115</sup> suratkhbar *Petra*,<sup>116</sup> *al-Kamaliah*,<sup>117</sup> *Kenchana*,<sup>118</sup> *al-Hikmah*,<sup>119</sup> *Sinaran Kelantan*,<sup>120</sup> *al-Riwayat*,<sup>121</sup> *Cherita Kelantan*<sup>122</sup> dan sebagainya.

<sup>112</sup> Drs. A.M. Iskandar Haji Ahmad (1980). *Persuratkhbaran Melayu 1876-1968*, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pelajaran Malaysia, Cet. Pertama, Edisi Kedua, h. 1.

<sup>113</sup> Diterbitkan di Kota Bharu, pada bulan September 1920 di bawah pimpinan Datuk Bentara Jaya dan Megat Othman. Ditulis dalam tulisan jawi. Dicetak oleh percetakan MAIK. Penerbitannya hanya beberapa bulan sahaja. *Ibid*, h. 15-16.

<sup>114</sup> Diterbitkan di Kota Bharu, pada bulan Jun 1923. Antara pengarangnya : Datuk Bentara Luar, Abdul Rahman Daud al-Makki al-Kelantani, ditulis dengan tulisan jawi. Diterbitkan dalam bentuk bulanan dan terhenti penerbitannya pada Feb. 1926. *Ibid*, h. 17

<sup>115</sup> Diterbitkan di Pasir Puteh, pada 15hb. Mac 1927 oleh ahli-ahli Persekutuan New Club Pasir Puteh, pengarangnya ialah Tenku Ismail Perkema bin Tenku Raja dan Mohd. Daud bin Haji Mohd. Salleh. Ditulis dengan tulisan jawi dan diterbitkan secara bulanan. *Ibid*, h. 26.

<sup>116</sup> Diterbitkan di Kota Bharu, Kelantan pada 1hb. Okt 1929 oleh Petra Club Kota Bharu. Pengarangnya Abd. Kadir Adabi. Ditulis dengan huruf jawi. Diterbitkan dwi-bulanan. *Ibid*, h. 30.

<sup>117</sup> Diterbitkan di Kota Bharu, Kelantan pada 1hb. Jan 1930 oleh percetakan al-Kamaliah. Antara pengarangnya : Haji Noh bin Ali, Omar bin Haji Taib dan Sheikh Ali bin Kassim. *Ibid*, h. 31.

<sup>118</sup> Diterbitkan di Kota Bharu, Kelantan pada bulan April 1930 oleh Siti Mariam Saa'di. Pengarangnya As'ad Haji Muda. Ditulis dengan tulisan jawi dan dicetak oleh matbaah al-Kamaliah, Kota Bharu. Pada peringkat awalnya diterbitkan secara bulanan kemudiannya dwi-bulanan. *Ibid*, h. 34.

<sup>119</sup> Diterbitkan di Kota Bharu, Kelantan pada 1hb. April 1934 di bawah pimpinan Haji Ahmad bin Ismail. Terhenti penerbitannya pada November 1941. *Ibid*, h. 42.

<sup>120</sup> Diterbitkan di Kota Bharu, Kelantan pada bulan Jun, 1938. Pengarangnya Mohd. Yusof bin Salleh. Ditulis dengan huruf jawi dan dikeluarkan dalam bentuk bulanan. *Ibid*, h. 57.

<sup>121</sup> Diterbitkan di Kota Bharu, Kelantan pada 1hb. Nov. 1938. Oleh al-Maarif Press Kota Bharu di bawah pimpinan Haji Isbak Lutfi Omar. Ditulis dengan tulisan jawi. Terbit secara dwi-bulanan, ianya mengandungi cerita, cerpen, ilmu pengetahuan serta keagamaan. *Ibid*, h. 58.

<sup>122</sup> Diterbitkan di Kota Bharu, Kelantan pada 1941. Pengasasnya Datuk Haji Nik Ahmad ( Menteri Besar Kelantan ).

dan penerbitan di Kelantan, ianya dapat ditinjau melalui empat peringkat. Peringkat pertama sekitar awal abad 20 hingga tahun 40-an. Dalam dekad ini penulisan dan penerbitan telah berkembang dengan pesatnyanya. Ini disebabkan semakin sedarnya orang Melayu terhadap politik dan penerbitan sebagai media yang mustahak dalam kehidupan.<sup>112</sup> Majalah pertama yang diterbitkan ialah *Pengasuh* pada 11hb. Julai 1918, kemudiannya majalah *al-Kitab*,<sup>113</sup> *al-Hidayah*,<sup>114</sup> *Terok*,<sup>115</sup> suratkhobar *Petra*,<sup>116</sup> *al-Kamaliah*,<sup>117</sup> *Kenchana*,<sup>118</sup> *al-Hikmah*,<sup>119</sup> *Sinaran Kelantan*,<sup>120</sup> *al-Riwayat*,<sup>121</sup> *Cherita Kelantan*<sup>122</sup> dan sebagainya.

---

<sup>112</sup> Drs. A.M. Iskandar Haji Ahmad (1980), *Persuratkhbaran Melayu 1876-1968*, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pelajaran Malaysia, Cet. Pertama, Edisi Kedua, h. 1.

<sup>113</sup> Diterbitkan di Kota Bharu, pada bulan September 1920 di bawah pimpinan Datuk Bentara Jaya dan Megat Othman. Ditulis dalam tulisan jawi. Dicitak oleh percetakan MAIK. Penerbitannya hanya beberapa bulan sahaja. *Ibid*, h. 15-16.

<sup>114</sup> Diterbitkan di Kota Bharu, pada bulan Jun 1923. Antara pengarangnya : Datuk Bentara Luar, Abdul Rahman Daud al-Makki al-Kelantani, ditulis dengan tulisan jawi. Diterbitkan dalam bentuk bulanan dan terhenti penerbitannya pada Feb. 1926. *Ibid*, h. 17

<sup>115</sup> Diterbitkan di Pasir Puteh, pada 15hb. Mac 1927 oleh ahli-ahli Persekutuan New Club Pasir Puteh, pengarangnya ialah Tenku Ismail Perkema bin Tenku Raja dan Mohd. Daud bin Haji Mohd. Salleh. Ditulis dengan tulisan jawi dan diterbitkan secara bulanan. *Ibid*, h. 26.

<sup>116</sup> Diterbitkan di Kota Bharu, Kelantan pada 1hb. Okt 1929 oleh Petra Club Kota Bharu. Pengarangnya Abd. Kadir Adabi. Ditulis dengan huruf jawi. Diterbitkan dwi-bulanan. *Ibid*, h. 30.

<sup>117</sup> Diterbitkan di Kota Bharu, Kelantan pada 1hb. Jan 1930 oleh percetakan al-Kamaliah. Antara pengarangnya : Haji Noh bin Ali, Omar bin Haji Taib dan Sheikh Ali bin Kassim. *Ibid*, h. 31.

<sup>118</sup> Diterbitkan di Kota Bharu, Kelantan pada bulan April 1930 oleh Siti Mariam Saa'di. Pengarangnya As'ad Haji Muda. Ditulis dengan tulisan jawi dan dicitak oleh matbaah al-Kamaliah, Kota Bharu. Pada peringkat awalnya diterbitkan secara bulanan kemudiannya dwi-bulanan. *Ibid*, h. 34.

<sup>119</sup> Diterbitkan di Kota Bharu, Kelantan pada 1hb. April 1934 di bawah pimpinan Haji Ahmad bin Ismail. Terhenti penerbitannya pada November 1941. *Ibid*, h. 42.

<sup>120</sup> Diterbitkan di Kota Bharu, Kelantan pada bulan Jun, 1938. Pengarangnya Mohd. Yusof bin Salleh. Ditulis dengan huruf jawi dan dikeluarkan dalam bentuk bulanan. *Ibid*, h. 57.

<sup>121</sup> Diterbitkan di Kota Bharu, Kelantan pada 1hb. Nov. 1938. Oleh al-Maarif Press Kota Bharu di bawah pimpinan Haji Ishak Lutfi Omar. Ditulis dengan tulisan jawi. Terbit secara dwi-bulanan, ianya mengandungi cerita, cerpen, ilmu pengetahuan serta keagamaan. *Ibid*, h. 58.

<sup>122</sup> Diterbitkan di Kota Bharu, Kelantan pada 1941. Pengasasnya Datuk haji Nik Ahmad ( Menteri Besar Kelantan ).

Sekitar tahun 1941 hingga 1945, semasa pendudukan Jepun di Tanah Melayu. Pada masa ini peperangan antara Jepun dan tentera bersekutu berlaku dengan hebatnya. Keadaan ini mengakibatkan perkembangan penerbitan mengalami kemunduran. Banyak majalah dihentikan penerbitannya termasuklah majalah *Pengasuh*.

Setelah Jepun menyerah kalah pada 14hb. Ogos 1945 dan penempatan semula kerajaan British di Tanah Melayu, penerbitan akhbar dan majalah mula berkembang. Dalam dekad 50an dan 60an kegiatan penulisan telah berkembang pesat di Kelantan, dalam masa itu majalah *Pengasuh* telah diterbitkan kembali dan telah lahir beberapa majalah lain antaranya majalah *Penyedar*<sup>123</sup> dan *Dian*. Majalah *Dian* yang diterbitkan pada tahun 1961<sup>124</sup> dikatakan dapat menyaingi *Pengasuh* dari segi kandungan dan jualan. Setelah Tanah Melayu mendapat kemerdekaan pada 31hb. Ogos 1957 dunia penulisan dan penerbitan telah berkembang dengan pesatnya hinggalah ke hari ini.

Walaupun berbagai majalah telah diterbitkan di Kelantan dalam abad yang lalu, namun peranan *Pengasuh* dalam perkembangan Islam di Kelantan amat besar sekali. Hingga kini *Pengasuh* masih lagi teguh menyumbang bakti kepada masyarakat Islam di tanah air dengan tulisan-tulisan yang dihasilkan oleh para ulama' Kelantan dan sebagainya. Untuk membincangkan peranan *Pengasuh* dan penulis-penulisnya, penulis akan membincangkannya pada bab lima.

---

<sup>123</sup> Diterbitkan di Kota Bharu, Kelantan pada Julai 1946 di bawah pimpinan Datuk Asri Haji Muda, hanya ditulis dengan tulisan jawi. Diterbitkan dalam bentuk dwi-bulanan dan merupakan lidah rasmi Badan Penyiaran Jabatan Susila Persekutuan Tanah Melayu.

<sup>124</sup> Diterbitkan di Kota Bharu, Kelantan pada 17hb. Julai 1961 oleh percetakan *Dian*. Pengarangnya Dato' Yusoff Zaki Ya'acob (1961-1968) dan Drs. Abdul Rahman (1967-?). Ditulis dengan tulisan jawi. Majalah ini mengandungi perkara ilmiah, keagamaan dan pengetahuan umum.